

Tinjauan Keseluruhan

Pertumbuhan **pengeluaran dunia** dijangka merosot kepada 2% pada tahun 1998 berbanding 4.1% pada tahun 1997 disebabkan oleh kegawatan di pasaran kewangan global yang semakin meluas. Kemelesetan ekonomi di kebanyakan negara di Asia Timur semakin mendalam berikutan kegawatan ekonomi yang dialami oleh Jepun. Walaupun Kerajaan Jepun telah melancarkan pakej rangsangan fiskal untuk meningkatkan keupayaan ekonominya, namun permintaan swasta masih lagi lemah. Tambahan pula, kesan kelemahan ekonomi Russia turut merebak kepada ekonomi-ekonomi baru muncul, terutamanya Amerika Latin yang mengalami kejatuhan mendadak aliran modal semenjak kejatuhan nilai rouble Russia dalam bulan Ogos 1998. Kesan limpahan negatif yang semakin luas di pasaran saham dunia serta kejatuhan harga komoditi yang berterusan dijangka mendorong kepada kegawatan ekonomi dan pasaran kewangan dunia. Bagi tahun 1998, negara-negara perindustrian dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 2.3% (1997: 2.9%) dengan perkembangan ekonomi di Jerman, Perancis dan Itali semakin mantap, manakala pertumbuhan di Amerika Syarikat, Kanada dan United Kingdom terus kukuh. Sementara itu, pertumbuhan di negara-negara membangun secara keseluruhan dijangka merosot dengan ketara kepada 2.3% pada tahun 1998 (1997: 5.8%) dan di negara-negara peralihan dijangka menguncup sebanyak 0.2% (1997: 2%). Pertumbuhan pengeluaran dunia dijangka meningkat sedikit kepada 2.5% pada tahun 1999.

Kadar inflasi secara umumnya dijangka menunjukkan trend yang bercampur-campur di mana negara-negara maju mencatat kadar inflasi

yang semakin menurun kepada paras 1.7% pada tahun 1998 (1997: 2.1%) disebabkan oleh harga komoditi yang rendah dan tekanan ke atas paras harga berikutan peningkatan daya saing di Asia. Walau bagaimanapun, di negara-negara peralihan, kenaikan kadar inflasi kepada 29.5% adalah dijangka pada tahun 1998 (1997: 27.9%) disebabkan oleh tekanan inflasi yang tinggi di Russia hasil daripada kejatuhan nilai rouble. Keadaan yang sama dialami oleh negara-negara membangun di mana kadar inflasi dianggarkan meningkat kepada 10.3% pada tahun 1998 (1997: 9.1%) disebabkan terutamanya oleh peningkatan kadar inflasi yang ketara di negara-negara Asia yang terjejas dengan krisis kewangan.

Selari dengan unjuran pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih rendah, pertumbuhan jumlah **perdagangan dunia** dijangka perlahan kepada 3.7% pada tahun 1998 (1997: 9.7%). Import daripada negara-negara maju dianggarkan jatuh dengan ketara kepada 4.5% pada tahun 1998 (1997: 9%) dan eksport merosot kepada 3.6% (1997: 10.3%). Eksport Amerika Syarikat dijangka mencatat kemerosotan sebanyak 1.5% (1997: 12.8%), manakala import kekal kukuh pada paras 12.7% pada tahun 1998 (1997: 13.5%). Jepun serta Australia dan New Zealand dijangka mengalami kesan yang lebih buruk daripada krisis Asia yang menjejaskan pertumbuhan pasaran eksport. Eksport dan import Jepun dijangka terus menguncup sebanyak 6.1% dan 1.5% pada tahun 1998 (1997: -0.2%; 10.8%). Eksport daripada United Kingdom dan Kanada dijangka mengalami penurunan yang besar sebanyak 1.3% dan 6.3% pada tahun 1998 (1997: 8%; 8%). Disebabkan hubungan dagangan yang rapat dan penyatuan yang semakin meningkat di kalangan negara Kesatuan Eropah, pemulihan permintaan

dalam negeri membawa kesan besar yang menyebabkan pertumbuhan eksport negara-negara Kesatuan Eropah terus mapan. Dengan pewujudan mata wang tunggal, perdagangan di kalangan anggota Kesatuan Eropah tidak lagi dipengaruhi oleh pergerakan pertukaran yang berbeza-beza. Walau bagaimanapun, sokongan utama ke atas permintaan adalah daripada negara-negara di luar wilayah tersebut, termasuklah Amerika Utara, negara-negara peralihan dan negara-negara membangun di luar rantau Asia Timur. Kenaikan jumlah eksport bersih tertumpu di negara-negara yang mengalami kejatuhan nilai mata wang berbanding AS dolar seperti Perancis dan Jerman. Krisis Asia dijangka mengurangkan pertumbuhan eksport Kesatuan Eropah melebihi 0.5%.

Pertumbuhan eksport di negara-negara membangun pada tahun 1998 dijangka jatuh mendadak kepada 3.9% (1997: 10.9%) disebabkan oleh krisis kewangan Asia, sementara import merosot kepada 1% (1997: 9.8%). **Asia** dijangka mengalami kesan yang paling teruk dengan eksport merosot daripada 14.8% pada tahun 1997 kepada 5.7% pada tahun 1998. Import juga dijangka mengalami kesan yang sama, menguncup sebanyak 2% pada tahun 1998 (1997 : 6.6%). Bagi negara-negara Asia yang paling teruk terjejas, kadar pertukaran efektif benar yang menjunam, kewujudan lebih kapasiti pengeluaran dan asas-asas ekonomi yang baik serta prestasi yang baik sebelum ini, menunjukkan bahawa pemulihan ekonomi yang kukuh akan diterajui oleh eksport. Sebaliknya, terdapat faktor-faktor yang menggugat perkembangan positif ini seperti kos import yang lebih tinggi, masalah kecairan dan kredit yang teruk. Masalah yang dialami oleh negara-negara tersebut pada masa ini adalah penguncupan import yang besar dan pertumbuhan eksport yang lemah. Di **Afrika**, kejatuhan eksport pada tahun 1998 kepada 2.2% (1997: 4%) adalah dijangkakan, sementara import dijangka mencatat pertumbuhan perlahan sebanyak 4.2% (1997: 8.6%). Ekonomi-ekonomi **Amerika Latin** juga dijangka mengalami kemerosotan pertumbuhan eksport kepada 6.2% (1997: 11.9%) dan import dijangka berkembang sebanyak 9.7% pada tahun 1998 (1997: 17.1%). Di **Timur Tengah**, eksport dan import dijangka perlahan kepada 3.3% dan 4.9% (1997: 6.5%; 12.9%). Pada tahun 1999, perdagangan dunia diramal meningkat sebanyak 4.6%.

Aliran Kewangan Antarabangsa dan Pasaran Modal

Krisis kewangan di Asia dan Russia telah menyumbang kepada kejatuhan mendadak aliran kewangan antarabangsa ke pasaran-pasaran baru muncul. Dibandingkan dengan paras tertinggi yang dicatat pada tahun 1996 iaitu sebanyak AS\$215 bilion, **aliran modal swasta bersih** (merangkumi pelaburan langsung bersih, pelaburan portfolio bersih, dan pelaburan bersih jangka panjang dan pendek) merosot kepada AS\$56.7 bilion pada tahun 1998 (1997: AS\$123.5 bilion). Aliran modal bersih ke Asia, termasuklah negara-negara perindustrian baru dijangka merosot kepada AS\$74 bilion, dengan sebahagian besar aliran modal keluar bersih dijangka daripada negara-negara yang dilanda krisis seperti Indonesia, Korea Selatan dan Thailand. Di negara-negara Timur Tengah, aliran modal swasta bersih dijangka meningkatkan dengan ketara kerana pinjaman luar negeri yang dibuat untuk membiayai perbezaan pendapatan disebabkan oleh harga eksport minyak yang rendah, sementara negara-negara peralihan dijangka merosot sedikit. Negara-negara Amerika Latin, khususnya Brazil, mengalami aliran keluar modal yang besar selepas kejatuhan nilai rouble Russia pada bulan Ogos 1998 yang menyebabkan pelabur hilang kepercayaan kepada pasaran baru muncul. Di Brazil, sejumlah AS\$14 bilion modal telah mengalir keluar dalam tempoh 1 hingga 11 September 1998 dan ini memaksa kerajaan menaikkan kadar faedah jangka pendek kepada 50% daripada 30% sebelumnya. Di Asia, pemulihan aliran modal bersih yang lebih ketara adalah dijangka pada tahun 1999. Walau bagaimanapun, aliran masuk modal bersih ke pasaran-pasaran baru muncul di seluruh dunia dijangka pulih dan mencapai paras tertinggi tahun 1996 pada tahun 2000.

Aliran **pelaburan asing langsung** dunia tidak menunjukkan sebarang penurunan ketika krisis kewangan Asia berlaku, walaupun pelaburan ekuiti portfolio dan pemberian pinjaman oleh bank kepada negara-negara yang terbabit dengan krisis jatuh mendadak. Pada tahun 1997, aliran pelaburan asing langsung mencatat rekod tertinggi berjumlah AS\$400 bilion iaitu peningkatan sebanyak 18.6% berbanding pada tahun 1996. Faktor yang menjana pengembangan pelaburan asing langsung global adalah percantuman dan pengambilalihan secara

besar-besaran di kalangan negara maju, yang mewakili lebih kurang satu per empat daripada keseluruhan percantuman dan pengambilalihan. Ini dipermudahkan lagi oleh langkah-langkah liberalisasi dan deregulasi yang sedang dilaksanakan. Negara-negara maju telah melabur sebanyak AS\$359 bilion di seluruh dunia pada tahun 1997, iaitu peningkatan sebanyak 27% berbanding tahun 1996 dan menarik sejumlah AS\$233 bilion aliran masuk pelaburan asing langsung iaitu peningkatan sebanyak 19%.

Aliran masuk modal ke negara-negara membangun meningkat dengan kadar yang perlahan berbanding negara-negara maju, tetapi masih menunjukkan kenaikan ketara sebanyak 15% mencapai AS\$149 bilion pada tahun 1997. Aliran pelaburan asing langsung ke lima buah negara Asia yang paling teruk dilanda krisis iaitu Indonesia, Malaysia, Filipina, Korea Selatan dan Thailand tidak terjejas pada tahun 1997 tetapi dijangka merosot pada tahun 1998. Walau bagaimanapun, di negara-negara tersebut, beberapa faktor seperti penurunan kos dolar dalam pelaburan asing, daya saing kos pengeluaran antarabangsa yang meningkat berikutan penurunan nilai beberapa mata wang dan dasar-dasar liberalisasi yang sedang dijalankan dijangka menarik pelabur-pelabur asing.

Di **pasaran tukaran asing dan kewangan**, kadar pertukaran efektif dolar AS mencapai paras tertinggi pada pertengahan bulan Julai 1998 sejak bulan Disember 1986 dengan mencatat peningkatan ketara berbanding yen Jepun dan dolar Australia. Kekukuhan nilai dolar adalah disebabkan oleh faktor-faktor luaran, pertumbuhan permintaan dalam negeri yang kukuh dan perbezaan kadar faedah yang menyebelahi aset-aset berasaskan dolar AS dan tanggapan bahawa dolar AS adalah mata wang yang paling kukuh ketika kelemahan sentimen terhadap pasaran baru muncul. Sebaliknya, nilai dolar jatuh mendadak pada akhir bulan Ogos dan awal bulan September berikutan krisis kewangan menular ke Russia dan Amerika Latin memaksa pembetulan ke atas harga ekuiti di Amerika Syarikat perlu dilakukan.

Sebaliknya, kebimbangan mengenai keadaan ekonomi Jepun yang semakin merosot telah menjurus kepada peningkatan tekanan jualan yang melemahkan lagi nilai yen mengakibatkan kesan limpahan negatif khususnya di Asia. Sejak pertengahan bulan April 1998, nilai yen terus lemah

berbanding mata wang utama lain dengan kadar asas efektif nominal jatuh lebih kurang 9% dan secara keseluruhan merosot kira-kira 37% sejak bulan April 1995. Nilai yen jatuh secara mendadak pada bulan Mei, awal Jun dan Ogos berikutan data yang diumumkan oleh Kerajaan Jepun menunjukkan bahawa ekonomi Jepun menuju ke arah penguncupan. Pada pertengahan bulan Jun, dalam jangkamasa yang singkat nilai yen jatuh kepada paras terendah dalam tempoh 8 tahun melebihi ¥145 berbanding dolar AS sebelum melonjak kembali hasil dari tindakan bersama oleh Kerajaan AS dan Jepun serta pengumuman inisiatif baru untuk mengukuhkan sektor perbankan yang diumumkan pada awal bulan Julai. Walau bagaimanapun, pada awal bulan Ogos, nilai yen jatuh kembali kepada lebih kurang ¥145 berbanding dolar AS dan pada akhir bulan September 1998, nilai yen berada pada paras ¥135 berbanding dolar AS. Kejatuhan nilai yen, selain daripada mencetuskan kejatuhan berterusan nilai mata wang ekonomi-ekonomi pasaran baru muncul Asia, juga menyebabkan kejatuhan nilai dolar Australia dan New Zealand berbanding dolar AS dan mata wang negara-negara Eropah. Dolar Kanada juga mencapai nilai terendah berbanding dolar AS, mencerminkan jangkaan bahawa trend kejatuhan harga komoditi akan melemahkan kedudukan luar Kanada dan memperlahankan permintaan dalam negeri.

Di pasaran-pasaran tukaran asing Eropah, nilai pound sterling menjadi lemah berbanding dolar AS dan mata wang di wilayah euro, walaupun melonjak sementara dalam bulan Jun, terutamanya setelah Bank of England tanpa diduga telah menaikkan kadar faedah rasmi. Nilai-nilai mata wang di wilayah euro, berubah dalam julat yang terhad berbanding dolar AS dan mengukuh hasil daripada peningkatan permintaan dalam negeri di negara-negara utama. Nilai kebanyakan mata wang tersebut terus kekal di sekitar julat mekanisme kadar pertukaran yang dipersetujui.

Harga di **pasaran-pasaran ekuiti** mencapai tahap tertinggi di beberapa negara perindustrian utama pada tahun 1998, sebelum pembetulan berlaku berikutan kebimbangan tentang keuntungan korporat yang dipengaruhi oleh kelembapan di Asia. Di **pasaran-pasaran bon antarabangsa**, kadar pulangan semakin merosot di kebanyakan negara perindustrian, juga dipengaruhi terutamanya oleh kelembapan ekonomi

di Asia dan tekanan inflasi yang terbandung dan kegawatan di pasaran-pasaran baru muncul mencetuskan pengaliran keluar modal ke pasaran-pasaran yang lebih tinggi nilainya. Pada awal bulan September 1998, kadar pulangan bon di kebanyakan negara-negara perindustrian utama berada hampir kepada paras yang terendah dalam tempoh tiga dekad. Sebaliknya, kadar pulangan benar kekal menghampiri paras purata yang dicatat pada dekad yang lalu. Di Jepun, disebabkan keadaan ekonomi dan sektor kewangan terus lembab dan inflasi jatuh ke paras menghampiri sifar, kadar faedah jangka panjang jatuh ke paras terendah di luar jangkaan, dan pada satu masa mencapai paras tinggi sedikit daripada 1% sebelum lonjakan sementara berlaku dalam bulan Jun dan Julai. Di benua Eropah, perbezaan kadar pulangan kekal dalam julat yang terhad berikutan pelaksanaan menuju ke arah tumpuan kadar faedah jangka panjang di kalangan negara anggota awal Kesatuan Ekonomi dan Kewangan. Di United Kingdom, kadar pulangan bon mengalami perubahan yang kecil, tetapi meningkat di Kanada berikutan kejatuhan nilai dolar Kanada kepada paras terendah berbanding dolar AS.

Setelah mengalami pulangan yang tinggi di kebanyakan negara pada awal tahun 1998, **harga pasaran saham** secara amnya mengukuh atau meningkat ke nilai tertinggi sebelum berlakunya sedikit kejatuhan pada akhir bulan Julai dan awal bulan Ogos. Paras kadar faedah global bersesuaian dengan harga ekuiti, tetapi kebimbangan bahawa nilai semasa pasaran sukar dikekalkan sekiranya berlaku kemerosotan pendapatan korporat atau peningkatan inflasi mengekang kenaikan harga, khususnya di AS dan UK. Di Jerman dan Perancis, pasaran ekuiti kekal kukuh mencerminkan keyakinan perniagaan yang tinggi, kadar faedah yang rendah atau menurun, dan jangkaan peningkatan keberkesanan penstrukturan semula korporat. Sebaliknya, harga ekuiti telah jatuh di Jepun kepada paras terendah dalam tempoh 12 tahun pada akhir bulan Ogos dan awal bulan September disebabkan kebimbangan mengenai ekonomi dan sistem perbankan Jepun. Pasaran di negara-negara lain yang terdedah secara langsung dan tidak langsung kepada krisis di Asia juga menjadi lemah termasuklah di Kanada, Australia dan New Zealand.

Kadar faedah jangka pendek di kebanyakan negara perindustrian kekal kukuh pada sebahagian besar daripada tahun 1998. Di kebanyakan negara perindustrian, krisis Asia dan kesan-kesannya telah

merendahkan paras inflasi sebenar dan unjurannya. Keadaan ini telah membolehkan bank-bank pusat mengekalkan dasar kewangan yang longgar seperti di Jerman, di mana kelemahan ekonomi yang ketara masih wujud dan di AS, di mana dasar kewangan dikekalkan, walaupun pusingan perniagaan boleh dianggap telah mencapai peringkat yang maju. Sebaliknya, Denmark telah menaikkan kadar faedah rasmi sebanyak 100 mata asas pada pertengahan bulan September; United Kingdom telah menaikkan kadar faedah rasmi sebanyak 25 mata asas pada bulan Jun; di Kanada, kadar dinaikkan sebanyak 100 mata asas pada bulan Ogos dan Norway, di mana kadar telah dinaikkan sebanyak 375 mata asas dalam tempoh di antara akhir bulan Jun dan bulan Ogos. Di wilayah euro, skop untuk menyesuaikan dasar kewangan sebagai respons kepada perbezaan ketara dalam keadaan pusingan adalah terhad disebabkan oleh keperluan untuk menumpu kadar faedah jangka pendek sebelum 1 Januari 1999, iaitu tarikh permulaan Kesatuan Ekonomi dan Kewangan (EMU). Di Asia, perbezaan kadar faedah jangka pendek telah meningkat dengan ketara mencerminkan sentimen negatif ke arah pasaran baru muncul secara amnya, menyukarkan lagi pembiayaan hutang swasta.

Kedudukan Ekonomi Negara-negara Perindustrian


Pengeluaran

Peningkatan pengeluaran di negara-negara perindustrian secara keseluruhannya dijangka perlahan kepada 2.3% pada tahun 1998 berbanding 2.9% pada tahun 1997 disebabkan oleh kesan krisis kewangan Asia dan keadaan ekonomi di Jepun yang lembab. Walau bagaimanapun, kekuatan pertumbuhan ekonomi di Amerika Utara dan Eropah adalah menggalakkan, didorong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dengan inflasi yang rendah, harga ekuiti yang tinggi, dasar-dasar kewangan yang seirring, kedudukan fiskal yang semakin baik, dan keyakinan perniagaan dan pengguna yang kukuh. Di **Amerika Syarikat (AS)**, pertumbuhan ekonomi yang kukuh ketika ini telah memasuki tahun ketujuh, dipacu terutamanya oleh perbelanjaan pengguna dan pelaburan tetap perniagaan yang tinggi. Kekukuhan pertumbuhan di AS mencerminkan dasar fiskal yang baik dan kemunculan lebihan belanjawan bersama-sama

dengan dasar kewangan yang seiring telah membantu usaha-usaha untuk memastikan inflasi berada pada paras yang rendah serta pasaran barangan dan buruh yang anjal. Jualan runcit dan inventori secara umumnya adalah seimbang, sementara aktiviti perkilangan masih kukuh walaupun pekerja-pekerja General Motors melancarkan mogok yang telah melemahkan permintaan dalam negeri bagi eksport dan memperlahankan sektor teknologi tinggi yang boleh menggugat pertumbuhan. Dalam tujuh bulan pertama tahun 1998, pertumbuhan jualan di pasaran sektor perumahan dan premis perniagaan terus menggiatkan lagi aktiviti pembinaan. Di sebalik kekukuhan aktiviti ekonomi, kekurangan tenaga buruh, kesesakan penghantaran dan kelembapan berterusan ekonomi di Asia Timur mula membawa kesan kepada pertumbuhan di AS. Pada suku kedua tahun 1998, KDNK merosot dengan ketara kepada 1.8% dan pertumbuhan KDNK benar dijangka perlahan kepada 3.5% pada tahun 1998 (1997: 3.9%).

Di kalangan negara perindustrian, **Jepun** adalah negara yang paling terdedah kepada krisis kewangan Asia dan menerima kesan yang paling teruk. Ekonomi Jepun terbantut selepas suku pertama tahun 1997, dan kemudian mengalami kemelesetan pada suku keempat tahun 1997 dengan pengeluaran menguncup pada kadar tahunan sebanyak 5.3% pada suku pertama tahun 1998. Faktor-faktor yang menyebabkan prestasi yang rendah ini termasuklah peningkatan kekangan kewangan di dalam sistem perbankan; pengunduran sebahagian besar daripada pakej rangsangan fiskal yang dilancarkan pada bulan April 1997; kesan krisis kewangan negara-negara jiran yang semakin meluas dan keyakinan yang semakin lemah. Ketegangan di sektor perbankan membawa kesan yang buruk ke atas kemudahan pinjaman kepada peniaga. Pada tahun 1998, sebagai tindakbalas terhadap perkembangan ini, Kerajaan Jepun telah melancarkan dua pakej rangsangan fiskal dan menjalankan usaha-usaha untuk menangani masalah di sektor perbankan, termasuklah menyediakan wang kerajaan bertujuan mengukuhkan deposit insurans dan meningkatkan modal bank. Pakej yang dilancarkan pada bulan April berjumlah 2.5% daripada KDNK dijangka dapat menjana aktiviti ekonomi mulai pada separuh kedua tahun 1998 tetapi gagal, dan pada bulan Ogos 1998, kerajaan telah mengumumkan satu lagi pakej fiskal meliputi langkah-langkah untuk menggalakkan penyusunan semula struktur ekonomi termasuklah deregulasi, reformasi

Carta 3.1
Negara-Negara Perindustrian -
Petunjuk-Petunjuk Ekonomi Utama



1/ Harga pengguna

Sumber :IMF World Economic Outlook , September 1998
dan laporan - laporan lain

pentadbiran, penswastan sektor awam dan reformasi sistem percukaian. Keadaan ekonomi di Jepun semakin lembab dan pada akhir bulan Ogos 1998 adalah jelas bahawa ekonomi Jepun mengalami kemelesetan dengan KDNK menguncup dalam tiga suku tahunan berturut-turut. Bagi keseluruhan tahun 1998, KDNK benar dijangka menguncup sebanyak 2.5% berbanding pertumbuhan 0.8% pada tahun 1997. Ini disebabkan oleh pelaburan perniagaan, penggunaan isirumah dan pelaburan di sektor perumahan merosot dengan ketara. Penguncupan KDNK dijangka lebih teruk lagi sekiranya sistem kewangan dan keyakinan pengguna terus lemah.

Di **benua Eropah**, pemulihan ekonomi semakin meningkat sejak awal tahun 1997, didorong oleh kekukuhan permintaan dalam negeri mencerminkan kekuatan perniagaan dan keyakinan pengguna yang berterusan, serta pemulihan di pasaran buruh yang menggalakkan. Sejak kebelakangan ini, pertumbuhan ekonomi di Perancis dan Jerman meningkat hasil daripada peningkatan pelaburan dan perbelanjaan pengguna. Di **Jerman**, setelah

dua tahun mengalami pertumbuhan yang rendah, KDNK benar pada tahun 1998 dijangka meningkat dengan lebih pantas pada kadar 2.6% (1997: 2.2%) disumbang oleh pertumbuhan tinggi eksport yang berterusan, menghasilkan pemulihan pengeluaran perindustrian yang ketara dan penggunaan kapasiti yang meningkat. Di **Perancis**, pertumbuhan ekonomi dijangka kekal melebihi potensi sebanyak 3.1% pada tahun 1998 (1997: 2.3%), dijana oleh eksport dan permintaan dalam negeri yang tinggi. Di **Itali**, pertumbuhan KDNK benar dijangka meningkat kepada 2.1% pada tahun 1998 (1997: 1.5%). Kekukuhan aktiviti ekonomi pada tahun 1998 akan berpunca daripada permintaan dalam negeri yang dinamik terutamanya pelaburan tetap kasar, pulangan modal yang tinggi dan meningkat, dan kadar faedah benar yang menurun kepada purata kadar faedah Kesatuan Ekonomi dan Kewangan (EMU). Walau bagaimanapun, kekuatan penggunaan swasta dijangka menurun sedikit pada tahun 1998 disebabkan terutamanya oleh skim insentif industri kereta yang berakhir pada bulan Julai 1998.

Di luar wilayah euro, setelah lima tahun mencatat pertumbuhan mantap, pertumbuhan ekonomi di **United Kingdom (UK)** perlahan sejak akhir tahun 1997, disebabkan oleh kejatuhan ketara eksport bersih berpunca terutamanya daripada kenaikan nilai pound sterling dan kenaikan kadar faedah jangka pendek dalam dua tahun kebelakangan ini serta pertumbuhan permintaan dalam negeri yang rendah disebabkan oleh langkah pengetatan dasar fiskal dan kewangan yang dilaksanakan sebelum ini. Pertumbuhan KDNK benar dijangka perlahan dengan ketara kepada 2.3% pada tahun 1998 (1997: 3.4%), berikutan eksport bersih terus berkurangan dan pertumbuhan permintaan dalam negeri yang semakin perlahan.

Di negara-negara lain seperti **Norway** dan **Denmark**, pertumbuhan dijangka perlahan ke tahap yang lebih mapan pada tahun 1998 disebabkan oleh kejatuhan nilai mata wang serta tekanan inflasi yang bertambah dan kemunculan tanda-tanda keruapan ekonomi. Pertumbuhan KDNK benar di Norway dijangka perlahan sedikit kepada 3% pada tahun 1998 (1997: 3.4%) dan di Denmark, pertumbuhan dijangka perlahan dengan ketara pada kadar 2.5% (1997: 3.5%) setelah lima tahun mencatat pertumbuhan yang kukuh. Di **Switzerland**, pemulihan ekonomi baru sahaja


bermula diterajui terutamanya oleh eksport. Pada tahun 1998, eksport dijangka meningkat dengan kadar yang perlahan disebabkan oleh krisis kewangan Asia. Walau bagaimanapun, pertumbuhan KDNK benar dijangka meningkat sebanyak 2% (1997: 1.7%). Di sebalik kelembapan serantau dan keyakinan yang semakin lemah, aktiviti ekonomi di **Australia** dijangka kekal kukuh, disebabkan oleh kejatuhan nilai mata wangnya berbanding dolar AS dan mata wang negara-negara Eropah, dan pertumbuhan tinggi di Amerika Utara dan Eropah yang telah melemahkan kesan kejatuhan mendadak eksport ke negara-negara Asia dan harga komoditi yang rendah. Pertumbuhan dijangka meningkat kepada 3.5% pada tahun 1998 (1997: 3.3%) disumbang terutamanya oleh eksport dan permintaan dalam negeri yang tinggi. Krisis kewangan Asia membawa kesan yang ketara kepada **New Zealand** disebabkan pendedahan perdagangan yang tinggi dengan Asia. Kemerosotan ekonomi dijangka lebih ketara pada tahun 1998, di mana ekonomi menguncup pada suku pertama dan bagi keseluruhan tahun 1998 dijangka menguncup sebanyak 0.5% daripada pertumbuhan sebanyak 2.3% pada tahun 1997.

Inflasi

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, inflasi di negara-negara perindustrian berada pada paras yang terkawal. Kejatuhan harga komoditi semenjak tahun 1997 telah membantu mengawal inflasi pada paras yang rendah di negara-negara tersebut. Di **AS**, inflasi masih terkawal dalam keadaan permintaan dalam negeri yang kukuh, harga ekuiti yang meningkat dan pasaran buruh yang ketat. Inflasi yang terkawal ini disumbang oleh beberapa faktor termasuklah kenaikan nilai dolar AS, kejatuhan harga tenaga dan komoditi, kenaikan kos penjagaan kesihatan yang perlahan dan kesan krisis kewangan Asia. Inflasi harga pengguna di AS pada tahun 1998 dijangka menurun kepada 1.6% (1997: 2.3%). Di **Jepun**, kelemahan permintaan dalam negeri dan perbezaan pengeluaran yang besar dijangka membendung tekanan inflasi sepanjang tahun 1998. Tekanan baru ke atas harga yang semakin kuat dijangka disebabkan oleh import yang lebih murah dari Asia dan penurunan harga komoditi berasaskan minyak dan bukan minyak. Purata inflasi tahunan Jepun pada tahun 1998 dijangka berada pada paras 0.4% (1997: 1.7%).

Carta 3.2

Arah Aliran Penentu Ekonomi
Negara-Negara Perindustrian



1/ Angka bagi 1998 adalah anggaran..

2/ Kadar faedah purata yang diwajarkan oleh nilai purata dalam dolar.

3/ Kadar purata hasil bon-bon kerajaan.

4/ Sehingga bulan Jun 1998

5/ Akhir tempoh kecuali 1998, sehingga pertengahan bulan Jun.

Sumber : IMF World Economic Outlook, September 1998
dan laporan-laporan lain.

Di **benua Eropah**, inflasi berada dalam lingkungan 1.5% pada separuh pertama tahun 1998. Di sebalik penggunaan kapasiti yang tinggi di beberapa negara kecil, masih terdapat tanda-tanda tekanan inflasi. Di **Jerman**, inflasi dijangka menurun kepada paras 1% pada tahun 1998 (1997: 1.8%) disebabkan oleh kejatuhan harga import berikutan penurunan harga komoditi dan kos seunit buruh di timur dan barat Jerman. Di **Perancis**, inflasi harga pengguna dijangka dibendung pada paras 1.1% pada tahun 1998 (1997: 1.2%) disebabkan terutamanya oleh kejatuhan harga import.

Di **UK**, kenaikan nilai pound sterling sejak bulan Ogos 1996 dan kejatuhan harga komoditi baru-baru ini telah merendahkan inflasi. Selain itu, pengetatan dasar fiskal dan kewangan sejak awal tahun 1997 telah mengekang permintaan dalam negeri dan membantu menyekat tekanan inflasi. Bagi keseluruhan tahun 1998, inflasi di UK dijangka dibendung pada paras tahun 1997 iaitu 2.8%. Sementara di beberapa negara Eropah lain, disebalik penggunaan kapasiti yang tinggi, terdapat tanda-tanda kemunculan tekanan inflasi. Penggubal-penggubal dasar akan terus menggunakan dasar-dasar kewangan untuk membendung tekanan-tekanan ini dan inflasi di negara-negara tersebut dijangka dibendung pada paras tahun 1997 di antara 1% hingga 3%. Di **Australia**, berikutan kejatuhan sedikit pertumbuhan pengeluaran dan pengurangan kesan-kesan kejatuhan harga import dalam beberapa tahun kebelakangan ini, inflasi dijangka meningkat kepada sekitar 1.9% pada tahun 1998 (1997: 1.7%). Di **New Zealand**, disebabkan wujudnya jurang pengeluaran pada tahun 1998, tekanan inflasi akan berjaya dibendung walaupun kadar pertukaran menurun dengan ketara. Inflasi dijangka menurun sedikit kepada 1.4% pada tahun 1998 (1997: 1.7%).

Pengangguran

Pengangguran di negara-negara perindustrian keseluruhannya menurun pada tahun 1997 dan dijangka stabil dalam tempoh 1998-99 pada kadar purata sebanyak 7.1%. Penurunan yang ketara dijangka dialami oleh negara-negara Kesatuan Eropah, berikutan peluang pekerjaan meningkat hampir 1% setiap tahun. Di kebanyakan negara benua Eropah, pengangguran telah mula menurun dan dijangka turun lagi berikutan pemulihan di sektor perkhidmatan dan pembinaan. Walau

Jadual 3.1

**Negara-negara Perindustrian Terpilih—
Petunjuk-petunjuk Ekonomi Utama
(1995–1999)**

	Negara-negara Perindustrian	Amerika Syarikat	Jepun	Jerman	United Kingdom
Pertumbuhan KDNK Benar (%)					
1995	2.2	2.3	1.5	1.2	2.7
1996	2.8	3.4	3.9	1.3	2.2
1997	2.9	3.9	0.8	2.2	3.4
1998	2.3	3.5	-2.5	2.6	2.3
1999	2.0	2.0	0.5	2.5	1.2
Inflasi ¹ (%)					
1995	2.4	2.8	-0.1	1.8	2.8
1996	2.3	2.9	0.1	1.5	2.9
1997	2.0	2.3	1.7	1.8	2.8
1998 ^a	1.5	1.6	0.4	1.0	2.8
1999 ^u	1.7	2.3	-0.5	1.4	2.8
Pengangguran (%)					
1995	7.7	5.6	3.1	9.4	8.0
1996	7.7	5.4	3.3	10.4	7.3
1997	7.5	4.9	3.4	11.5	5.5
1998 ^a	7.1	4.5	4.1	10.9	4.8
1999 ^u	7.1	4.8	4.3	10.6	4.9
Imbangan Akaun Semasa (AS\$ billion)					
1995	50.3	-115.3	111.4	-22.6	-5.8
1996	38.7	-134.9	65.8	-13.8	-2.9
1997	64.0	-155.2	94.1	-4.0	7.3
1998 ^a	-19.5	-236.3	131.4	6.4	-18.7
1999 ^u	-66.4	-290.4	135.8	8.0	-21.1

¹ Harga Pengguna

^a anggaran

^u unjuran

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 1998 dan
OECD Economic Outlook, Jun 1998.

bagaimanapun, pengangguran di Kesatuan Eropah kekal sebagai masalah ekonomi dan sosial yang serius.

Setelah menurun kepada 4.3% dalam bulan April dan Mei 1998, kadar pengangguran di **AS** berada pada paras 4.5% dalam bulan Jun 1998, hampir kepada paras terendah yang dicapai dalam tiga dekad. Bagi tahun 1998, kadar pengangguran dijangka berada dalam lingkungan 4.5% (1997:

4.9%) disebabkan oleh pertumbuhan melebihi potensi yang telah mengurangkan kadar pengangguran dan perbezaan pengeluaran, sementara menekan pertumbuhan pendapatan buruh serta meningkatkan keanjalan dalam pasaran buruh. Faktor-faktor yang menyumbang kepada keanjalan dalam pasaran buruh AS termasuklah upah minimum yang rendah, kadar pembentukan persatuan buruh yang rendah, dan faedah kebajikan pengangguran dan sosial yang rendah. Di **Jepun**, pasaran buruh dijangka terus lemah pada tahun 1998 disebabkan oleh prospek ekonomi Jepun yang lemah dalam jangka masa pendek, berikutan kemungkinan lebih banyak kes muflis di sektor korporat dan kewangan dan usaha berterusan syarikat-syarikat dalam industri bebas untuk meningkatkan persaingan. Peluang pekerjaan di sektor-sektor seperti pembinaan dan pembuatan merosot dengan ketara pada separuh pertama tahun 1998. Berdasarkan kedudukan pekerjaan, bilangan pekerja tetap merosot pada kadar tahunan sebanyak 0.6% dalam bulan Februari 1998, manakala bilangan pekerja sementara meningkat sebanyak 2.1%. Jumlah jam kerja bulanan di sektor pembuatan merosot dan kerja lebih masa juga berkurangan. Trend ini dijangka berterusan kerana syarikat-syarikat beralih kepada pekerja-pekerja sementara, yang lebih mudah untuk dibuang kerja dan juga lebih mudah diberhentikan dalam keadaan ekonomi yang merosot. Bagi tahun 1998, pengangguran di Jepun dijangka mencapai 4.1% (1997: 3.4%), kadar tertinggi yang dicatat dalam dekad ini.

Di kebanyakan negara **benua Eropah**, pengangguran telah meningkat secara mendadak pada dekad yang lalu, mencapai tahap tertinggi sejak perang dunia kedua pada tahun 1997 di negara-negara seperti Perancis, Jerman dan Itali. Pengangguran di Jerman dan Perancis menurun dalam tempoh lima bulan pertama tahun 1998, namun ianya masih tinggi, lebih dua kali ganda berbanding kadar pengangguran semasa di Amerika Syarikat. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran turun dengan ketara di United Kingdom dan trend yang sama dapat dilihat di Belanda dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Di **Jerman**, walaupun peluang pekerjaan mula meningkat di kawasan barat pada awal tahun 1998, pertumbuhan ini dijangka tidak cukup kuat untuk menyumbang kepada pengurangan pengangguran yang ketara. Bagi tahun 1998 secara keseluruhan, kadar pengangguran di Jerman dijangka menurun sedikit kepada 10.9% (1997:

11.5%). Di **Perancis**, pertumbuhan ekonomi yang bertambah baik pada tahun 1997 telah menyebabkan peningkatan peluang pekerjaan di sektor swasta, dengan kehilangan pekerjaan berterusan di sektor perindustrian dan pembinaan melebihi peningkatan di sektor perkhidmatan, yang kebanyakannya adalah pekerja sementara. Peluang pekerjaan yang meningkat disebabkan oleh pertumbuhan pengeluaran akan dibantu oleh pewujudan pekerjaan untuk belia-belia oleh Kerajaan. Kadar pengangguran dijangka turun pada tahun 1998 kepada 11.8% (1997: 12.5%), tetapi kekal melebihi paras purata Kesatuan Eropah iaitu sebanyak 10.3%.

Di **UK**, keadaan pasaran buruh terus ketat. Pertumbuhan peluang pekerjaan meningkat dengan cepat dan kadar pengangguran dijangka menurun kepada 4.8% pada tahun 1998 (1997: 5.5%). Di **Australia**, pertumbuhan peluang pekerjaan meningkat sebanyak 1.3% pada separuh pertama tahun 1998 dan dijangka semakin kukuh berikutan bilangan pekerjaan sepenuh masa bertambah. Kadar pengangguran dijangka menurun kepada 8.1% (1997: 8.6%). Walau bagaimanapun, di **New Zealand**, kadar pengangguran dijangka meningkat kepada 7.8% pada tahun 1998 (1997: 6.7%) disebabkan oleh jangkaan kemerosotan ekonomi yang ketara.

Imbangan Pembayaran

Imbangan akaun semasa di negara-negara perindustrian secara kumpulan dijangka merosot dengan ketara sebanyak AS\$83.5 bilion untuk mencatat defisit sebanyak AS\$19.5 bilion pada tahun 1998 daripada lebih sebanyak AS\$64 bilion pada tahun 1997. Perubahan besar kedudukanimbangan luar negeri berpunca daripada krisis kewangan Asia. Kemerosotan akaun semasa negara-negara perindustrian akan membantu mengurangkan penguncupan pengeluaran di negara-negara yang mengalami krisis, serta mengurangkan risiko keruapan di negara-negara di mana pusingan perniagaan hampir mencapai tahap yang matang. Pengubahsuaian ini dijangka berubah dalam jangkamasa terdekat melibatkan perubahan dalam kedudukan pusingan relatif, perubahan dalam pengaliran dana global dan kadar-kadar pertukaran.

Di **AS**, defisit akaun semasa dijangka meningkat sebanyak AS\$81.1 bilion kepada AS\$236.3 bilion

(atau 2.8% daripada KDNK) daripada paras AS\$155.2 bilion (atau 1.9% daripada KDNK) pada tahun 1997. Kemerosotan ini terutamanya mencerminkan kejatuhan di Asia berserta permintaan dalam negeri yang terus tinggi dan nilai dolar yang kukuh. Walaupun, peningkatan defisit akaun semasa menggugat pertumbuhan, pada masa ini ia diimbangi oleh pertumbuhan permintaan dalam negeri yang kukuh. Pengubahsuaian ke atas ketidakseimbangan ini boleh dilaksanakan melalui pengetatan dasar kewangan. Di **Jepun**, kesan pengubahsuaian di beberapa negara Asia dijangka membawa kesan kepadaimbangan akaun semasanya. Kesan ini akan lebih dibebani oleh kelemahan permintaan dalam negeri, harga komoditi yang rendah dan kejatuhan nilai yen berbanding mata wang utama lain. Pada tahun 1998, lebih akaun semasa Jepun dijangka meningkat kepada AS\$131.4 bilion (atau 3.6% daripada KDNK) berbanding AS\$94.1 bilion (atau 2.2% daripada KDNK) pada tahun 1997, iaitu lebih terbesar sejak tahun 1987. Pergerakan ini dipacu oleh kenaikan lebih dagangan, yang dianggarkan mencapai AS\$75.4 bilion pada tahun 1998 (1997: AS\$47.3 bilion). Walaupun, kelemahan nilai yen berserta kenaikan harga eksport barangan pembuatan dalam dolar akan meningkatkan eksport, lebih dagangan yang lebih besar adalah berpunca daripada kejatuhan ketara import dianggarkan berjumlah AS\$265.6 bilion pada tahun 1998 (1997: AS\$307.4 bilion).

Di **Kesatuan Eropah**, lebih akaun semasa dijangka berkurangan kepada AS\$96.6 bilion pada tahun 1998 daripada AS\$123.3 bilion pada tahun 1997. Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh perubahan ketara akaun semasa **UK** yang dianggarkan mencatat defisit sebanyak 1.4% daripada KDNK, mencerminkan kenaikan nilai pound sterling dan kekukuhan permintaan dalam negeri. Imbangan akaun semasa UK dianggarkan mencatat defisit sebanyak AS\$18.7 bilion pada tahun 1998 berbanding lebih sebanyak AS\$7.3 bilion (atau 0.6% daripada KDNK) pada tahun 1997. Di **Jerman**, lebih dagangan dijangka meningkat kepada AS\$44.2 bilion pada tahun 1998 (1997: AS\$33.9 bilion) disebabkan oleh peningkatan daya saing kos eksport. Bagi tahun 1998, imbangan akaun semasa dijangka kembali kepada lebih sebanyak AS\$6.4 bilion (atau 0.3% daripada KDNK) berbanding defisit sebanyak AS\$4 bilion pada tahun 1997 (atau -0.2% daripada KDNK). Di **Perancis**, pertumbuhan eksport dijangka perlahan kepada 7.4% pada tahun 1998 (1997: 12.2%)

berikutan permintaan daripada negara-negara membangun Asia jatuh mendadak sementara import dijangka meningkat lebih pantas sebanyak 8.7% pada tahun 1998 (1997: 7.8%) untuk memenuhi permintaan dalam negeri terutamanya barangan pengguna isirumah. Lebih akaun semasa Perancis dijangka berkurangan kepada AS\$31.4 bilion (atau 2.2% daripada KDNK) pada tahun 1998 berbanding AS\$39.4 bilion (atau 2.8% daripada KDNK) pada tahun 1997.

Negara-negara lain di benua Eropah seperti **Belanda, Finland, Switzerland, Denmark** dan **Belgium-Luxembourg** dijangka mengalami perubahan yang minima dalam imbalan akaun semasa berikutan harga import yang rendah dan peningkatan daya saing dalam beberapa tahun kebelakangan ini mungkin mengimbangi kemerosotan eksport ke negara-negara Asia. Walau bagaimanapun, lebih akaun semasa **Norway** dijangka menurun secara mendadak kepada lebih kurang 1.3% daripada KDNK pada tahun 1998 berbanding 5.2% daripada KDNK pada tahun 1997, disebabkan terutamanya oleh pendapatan eksport minyak yang rendah. Defisit akaun semasa luar negeri **Australia** dijangka terus besar pada tahun 1998 sebanyak 5.6% daripada KDNK (1997: -3.3% daripada KDNK). Sementara di **New Zealand**, defisit akaun semasa dijangka mengecil sedikit kepada 6.5% daripada KDNK pada tahun 1998 (1997: -7.7% daripada KDNK) mencerminkan eksport yang tinggi disebabkan oleh kejatuhan yang ketara nilai dolar New Zealand berbanding dolar AS dan mata wang-mata wang Eropah.

Kedudukan Ekonomi Negara-Negara Membangun

Negara-negara membangun pada amnya dijangka mencatat kadar pertumbuhan yang rendah iaitu 2.3% pada tahun 1998 (1997: 5.8%) dengan kadar inflasi dijangka meningkat kepada 10.3% (1997: 9.1%). Akibat daripada kesan negatif krisis kewangan yang berterusan ke atas ekonomi dan sosial, negara-negara Asia dijangka mencatat pengurangan kadar pertumbuhan ekonomi yang mendadak pada tahun 1998 kepada 1.8% (1997: 6.6%). Negara-negara Amerika Latin yang juga terdedah kepada kesan penularan krisis kewangan Asia dan Russia dijangka mencatat pertumbuhan yang merosot kepada 2.8% pada tahun 1998 (1997: 5.1%).

Ekonomi-ekonomi ASEAN

Kesan sosial dan ekonomi akibat daripada krisis kewangan yang berlaku ke atas negara-negara ASEAN adalah lebih teruk daripada apa yang dijangkakan. Penurunan nilai mata wang, kejatuhan harga ekuiti yang ketara, keruntuhan sektor kewangan, hutang yang besar sektor korporat, peningkatan kadar pengangguran, kenaikan paras harga, pendapatan benar isirumah yang rendah dan kadar kemiskinan yang meningkat telah menjejaskan prospek pertumbuhan bagi ekonomi-ekonomi ASEAN pada tahun 1998 menyebabkan kemelesetan di beberapa buah negara. Faktor luaran seperti pengecutan ekonomi Jepun dan kemungkinan penurunan nilai mata wang China memberikan tekanan tambahan kepada negara-negara ASEAN. Pada tahun 1998, kadar pertumbuhan bagi empat buah negara ASEAN yang paling terjejas, iaitu Indonesia, Thailand, Malaysia dan Filipina (ASEAN-4) dijangka menguncup kepada 10.4% (1997: 3.7%).

Tekanan inflasi dijangka tinggi dengan penurunan nilai mata wang yang menyebabkan peningkatan harga import dan kekurangan bekalan. Pada tahun 1998, kadar inflasi di negara-negara ASEAN-4 dianggarkan di antara 5% di Malaysia (1997: 2.7%) dan 60% di Indonesia (1997: 6.6%).

Pengeluaran

Brunei tidak terlepas daripada menerima kesan krisis serantau. Matawang Brunei yang disandarkan kepada dolar Singapura, telah menyusut sebanyak 17% berbanding dengan dolar AS dan hasil minyaknya telah berkurangan disebabkan oleh kejatuhan harga. Aktiviti pelaburan dan pembinaan dalam negeri telah berkurangan akibat daripada pengurangan peruntukan kewangan bagi program-program dan projek-projek Kerajaan. Unjuran pertumbuhan bagi tahun 1998 telah diturunkan kepada antara 2.5% dan 2.7% daripada 3.2% yang dianggarkan sebelumnya (1997: 4%). Ekonomi **Indonesia** telah mengalami kemelesetan dengan pertumbuhan dijangka menguncup sebanyak 15% pada tahun 1998 (1997: 4.6%). Penurunan yang ketara nilai rupiah berbanding dolar AS menjadi penyebab utama kejatuhan ekonomi dan peningkatan kos import serta beban untuk menyelesaikan hutang luar negara. Pengurangan permintaan dalam negeri dipengaruhi terutamanya oleh penggunaan isirumah dan aktiviti

pelaburan. Kerajaan telah memberi jaminan akan melaksanakan dengan teliti langkah-langkah pembaharuan dan kestabilan yang dicadangkan oleh IMF untuk memulihkan ekonomi. Kesan daripada krisis kewangan ke atas ekonomi **Malaysia** sangat ketara dan pertumbuhan dijangka mengecut sebanyak 4.8% pada tahun 1998 (1997: 7.7%). Permintaan dalam dan luar negeri yang lemah telah mengakibatkan pengecutan di sektor-sektor utama khususnya pertanian, perkilangan dan pembinaan. Kerajaan telah melancarkan pakej dorongan fiskal berjumlah RM12 bilion, menurunkan kadar faedah, menubuhkan berbagai tabung dan mekanisma untuk mengukuhkan sektor perbankan dan korporat. Inisiatif-inisiatif ini dijangka dapat menggalakkan pemulihan ekonomi.

Ekonomi **Filipina** mungkin mengalami pertumbuhan yang perlahan pada tahun 1998 dengan pertumbuhan KDNK benar menguncup sebanyak 0.6% (1997: 5.1%). Pembaharuan struktur yang dilakukan pada masa lalu telah mengurangkan pendedahan negara tersebut kepada kejutan dari luar. Bagaimanapun, krisis kewangan di Asia telah menyebabkan sektor korporat dan perbankan tertekan. Ini telah ditambah pula dengan musim kemarau yang berpanjangan yang di bawa oleh fenomena cuaca El Nino yang telah memberi kesan kepada pengeluaran pertanian. Kerajaan mengambil tindakan untuk memulihkan ekonomi menerusi program jimat cermat dan langkah-langkah percukaian untuk meningkatkan pendapatan. Ekonomi **Singapura** pada tahun 1998 dianggar mencatat pertumbuhan sifar (1997: 7.8%). Krisis kewangan di Asia dan lebih keluaran elektronik dunia memberi kesan ke atas eksport bukan minyak Singapura. Sektor perbankan, pelancongan, hartanah dan jualan runcit juga mengalami kejatuhan yang ketara kesan daripada pengecutan ekonomi serantau yang semakin teruk. Bagi merangsang pertumbuhan ekonomi, Kerajaan memperuntukkan sebanyak S\$2 bilion kepada projek-projek infrastruktur dan rebat cukai satu tahun kepada perniagaan dan industri hartanah bagi menyokong pasaran hartanah yang lemah. Jualan tanah untuk pembangunan swasta bagi tahun 1998 dan tahun 1999 telah dibekukan.

Ekonomi **Thailand** mengalami kemelesetan dan pertumbuhan dijangka mengecut sebanyak 8% pada tahun 1998 (1997: -0.4%). Keperluan kewangan yang tertekan, eksport yang lemah, permintaan dalam negeri yang semakin perlahan

dan kenaikan kadar faedah telah menyebabkan ekonomi Thailand mengecut dengan mendadak melebihi jangkaan. Kerajaan telah melancarkan 25 langkah pakej pemulihan ekonomi untuk meningkatkan perbelanjaan sektor awam dan swasta, membuka pasaran tempatan kepada pelaburan langsung asing, meningkat pengeluaran bagi mewujudkan peluang pekerjaan, memudahkan urusan keperluan kewangan, meningkatkan eksport dan menangani masalah yang dihadapi oleh institusi kewangan. Keutamaan diberikan untuk

Jadual 3.2

ASEAN: Keluaran Dalam Negara Kasar, Inflasi dan Imbangan Akaun Semasa

	1997	1998 ^a	1999 ^u
Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (%)			
Brunei	4.0	2.6	3.0
Indonesia	4.6	-15.0	0.0
Malaysia	7.7	-4.8	1.0
Filipina	5.1	-0.6	2.3
Singapura	7.8	0.0	1.5
Thailand	-0.4	-8.0	0.2
Vietnam	8.8	4.0	6.0
Kadar Inflasi (%)			
Brunei	1.7	2.0	3.0
Indonesia	6.6	60.0	12.7
Malaysia	2.7	5.0	3.5
Filipina	6.0	10.0	7.0
Singapura	2.0	1.8	2.0
Thailand	5.6	9.0	6.0
Vietnam	3.2	9.0	10.0
Imbangan Akaun Semasa (% daripada KDNK)			
Brunei	-1.9	—	—
Indonesia	-1.8	2.5	2.7
Malaysia (% daripada KDNK)	-5.4	7.7	4.2
Filipina	-5.2	-1.5	-0.7
Singapura	15.4	20.6	18.9
Thailand	-2.0	10.7	9.9
Vietnam	-16.4	-7.0	—

^a Anggaran

^u Unjuran

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 1998
ADB Outlook for 1998 and 1999

memulihkan sektor pertanian bagi menyerap hampir 2.2 juta orang yang kehilangan pekerjaan. Sungguhpun **Vietnam** secara relatifnya adalah terhindar daripada krisis kewangan, pengurangan pelaburan asing terutamanya dari Asia, daya saing eksport yang semakin lemah, tekanan sektor perbankan dan iklim perniagaan yang lembab telah meningkatkan kerapuhan ekonominya. Pertumbuhan ekonomi dijangka perlahan kepada 4% pada tahun 1998 (1997: 8.8%). Bagi merangsang pertumbuhan, Vietnam telah menurunkan nilai matawang dong sebanyak 10% berbanding dolar AS dan mengurangkan eksport dan import daripada 10% kepada 7%.

Inflasi

Tekanan inflasi di rantau ASEAN bertambah teruk disebabkan kejatuhan nilai mata wang, kenaikan kadar faedah dan kekurangan penawaran. Di **Brunei**, kadar inflasi dijangka meningkat sedikit kepada 2% pada tahun 1998 (1997: 1.7%) dengan dasar fiskal dan kewangan yang ketat dan penguatkuasaan undang-undang oleh Kerajaan ke atas harga barangan keperluan dan perkhidmatan. Di **Indonesia**, inflasi dijangka meningkat dengan ketara kepada 60% pada tahun 1998 (1997: 6.6%) disebabkan terutamanya oleh kejatuhan lebih daripada 80% nilai rupiah yang menjurus kepada kenaikan harga import dan pengurangan penawaran disebabkan oleh musim kemarau yang panjang serta kelemahan sistem pengagihan. Pada tahun 1998, **Malaysia** dijangka dapat membendung inflasi pada paras 5% berbanding unjuran sebelum ini sebanyak 7%-8% (1997: 2.7%), disebabkan terutamanya oleh langkah-langkah segera meningkatkan pengeluaran makanan tempatan, mengimport dari sumber yang lebih murah dan membeli barangan keluaran tempatan. Tambahan pula, tahap harga dijangka stabil dengan penetapan kadar pertukaran ringgit kepada dolar AS pada 2 September 1998. Di **Filipina**, kekurangan makanan disebabkan cuaca El Nino dijangka memberi kesan ke atas kadar inflasi, ditambah lagi oleh kesan kejatuhan nilai peso. Kadar inflasi dianggarkan mencapai 10% pada tahun 1998 (1997: 6%). Kadar inflasi di **Singapura** dijangka berada pada paras yang rendah iaitu 1.8% pada tahun 1998 (1997: 2%) disebabkan oleh kelemahan sentimen pengguna yang mengurangkan tekanan ke atas harga. Persaingan yang kuat di sektor jualan runcit juga membantu mengekang kenaikan harga. Di

Thailand, kadar inflasi dijangka meningkat kepada 9% pada tahun 1998 (1997: 5.6%) disebabkan oleh kenaikan harga import yang menyumbang kepada kenaikan kos pengeluaran. Kadar inflasi di **Vietnam** juga dijangka meningkat dengan ketara kepada 9% pada tahun 1998 (1997: 3.2%), disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga makanan dan barangan bukan makanan serta perkhidmatan.

Perdagangan dan Imbangan Pembayaran

Negara-negara ASEAN dijangka mencatat perubahan yang besar dalam imbangan perdagangan. Kejatuhan ketara kadar pertukaran telah meningkatkan persaingan di luar negara, sementara pengurangan perbelanjaan dalam negeri telah menurunkan permintaan import. Walau bagaimanapun, kelemahan aktiviti ekonomi di Jepun dan negara-negara Asia yang lain dijangka memberi kesan kepada permintaan eksport. Pada tahun 1998, lebih akaun semasa bagi ASEAN-4 dijangka berjumlah AS\$17.6 bilion berbanding defisit sebanyak AS\$16.0 bilion pada tahun 1997.

Di **Brunei**, prospek perdagangan dijangka memberangsangkan dengan eksport hidrokarbon dijangka meningkat. Pertambahan aktiviti pemunggahan di Pelabuhan Muara juga dijangka menyumbang kepada peningkatan lebih perdagangan. Di **Indonesia**, kejatuhan nilai rupiah, penguncupan permintaan dalam negeri dan pemberian kemudahan pembiayaan perdagangan oleh negara-negara seperti Jepun dan Amerika Syarikat dijangka meningkatkan prestasi perdagangan. Pada tahun 1998, lebih akaun semasa dianggarkan mencatatkan lebih sebanyak 2.5% daripada KDNK (1997: -1.8%). **Malaysia** dijangka mencatat lebih akaun semasa sebanyak 7.7% daripada KDNK pada tahun 1998 (1997: -5.4%). Pendapatan eksport dijangka meningkat berikutan kenaikan harga disebabkan oleh kejatuhan nilai ringgit. Sebahagian besar daripada eksport Malaysia dijelaskan dalam dolar AS. Pendapatan import juga dijangka meningkat walaupun pada kadar yang lebih perlahan kerana kuantiti diimport yang berkurangan berikutan penguncupan permintaan dalam negeri.

Di **Filipina**, defisit akaun semasa dijangka mengecil kepada 1.5% daripada KDNK pada tahun 1998 (1997: -5.2%). Peningkatan pendapatan pertukaran asing daripada eksport, pelaburan asing

yang tinggi dan pengiriman wang oleh pekerja-pekerja di luar negara dijangka menyumbang ke arah kedudukan luaran yang lebih terkawal. Lebihan akaun semasa bagi **Singapura** dijangka mencapai 20.6% daripada KDNK pada tahun 1998 (1997: 15.4%), walaupun pertumbuhan perdagangannya adalah sederhana disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi serantau yang perlahan dan kejatuhan permintaan ke atas barangan elektronik. Pertumbuhan ekonomi di negara-negara maju seperti AS dan EU, walau bagaimanapun, dijangka menyokong pertumbuhan eksport. Pada tahun 1998, **Thailand** dijangka mencatat lebihan akaun semasa sebanyak 10.7% daripada KDNK (1997: -2%), disebabkan terutamanya oleh pengurangan import, serta kesan penguncupan permintaan dalam negeri dan nilai mata wang yang telah merosot. Pendapatan eksport berkurangan disebabkan terutamanya oleh kejatuhan harga barangan pertanian dan perkilangan serta permintaan luar negeri yang rendah. Di **Vietnam**, pertumbuhan eksport mengecut disebabkan oleh pengurangan permintaan dari pasaran ASEAN dan Jepun. Mata wang Vietnam yang tidak boleh ditukar memberi kesan kepada persaingan eksportnya dan pengeksport-pengeksport beras khususnya mengalami kerugian. Pada tahun 1998, defisit akaun semasa dijangka mencapai 7% daripada KDNK (1997: -6.4%).

Kawasan Kerjasama Segitiga ASEAN

Krisis ekonomi yang melanda Asia telah menyediakan peluang kepada ASEAN untuk mempertingkatkan kerjasama di peringkat segitiga serantau. Aktiviti-aktiviti ekonomi di **Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur (BIMP-EAGA)**, **Kawasan Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT)** dan **Kawasan Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Singapura (IMS-GT)** terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi di kawasan kerjasama serantau. Kerjasama serantau ini telah mengembangkan rangkaian ekonomi yang meluaskan lagi peluang perdagangan dan pelaburan.

Di **IMT-GT**, sejumlah 69 projek kerjasama bernilai RM18 bilion telah dimulakan. Lebih kurang 28 daripada projek ini adalah di sektor perdagangan dan pelaburan, 13 di sektor infrastruktur, 10 di sektor pertanian, 6 di sektor pelancongan, 5 di sektor pembangunan sumber manusia dan 4 di

sektor perkhidmatan. Lebih kurang 20% daripada projek telah dilaksanakan dan selebihnya berada di pelbagai peringkat pelaksanaan. Projek-projek usahasama dan bidang kerjasama terdiri daripada pembangunan Pasaran Borong Sempadan Bersama di Kawasan Sempadan Malaysia-Thailand; pelaburan di sektor perladangan kelapa sawit di Indonesia; menubuhkan Pusat Pemprosesan Makanan dan Ternakan Islam di Zon Perindustrian Patani; mendirikan Zon Telekomunikasi Khas; Projek Lebuh raya Satun-Perlis; membangunkan perkhidmatan feri Ro-Ro; Projek Jambatan Tanah; memperkenalkan pas sempadan dan program pertukaran kakitangan; usaha-usaha untuk menyelaraskan piawaian dan amalan profesional; dan menubuhkan perkhidmatan perbankan tanpa faedah di kawasan segitiga serantau. Keutamaan juga diberi untuk membantu usahawan kecil dan sederhana (IKS) memainkan peranan penting dalam membangunkan ekonomi serantau. Untuk menyokong IKS, Majlis Perniagaan Bersama (JBC) telah mengenal pasti beberapa langkah termasuklah menggalakkan bank-bank komersial tempatan membuka peluang kepada IKS; meneroka kemungkinan menubuhkan bank saudagar serantau dengan kerjasama ADB dan Bank Dunia dan melaksanakan inisiatif sektor swasta berhubung dengan perbankan tanpa faedah dan pasaran atas kaunter. JBC juga merancang mengadakan konvensyen IKS pada tahun 1998 bagi mendedahkan IKS kepada peluang-peluang yang ditawarkan di kawasan serantau.

Di **BIMP-EAGA** terdapat kemajuan yang ketara semenjak ianya bermula pada tahun 1994. Hubungan udara dan laut yang telah terjalin dengan baik dan industri pelancongan mempunyai potensi besar untuk dimajukan. Usaha telah diambil bagi menjadikan rantau BIMP-EAGA sebagai destinasi percutian. Enam buah laluan kapal telah dikenalpasti dan Persatuan Perkapalan BIMP-EAGA dijangka ditubuhkan sedikit masa lagi. Sebuah syarikat penerbangan yang baru, Borneo Airway akan mengembangkan potensi industri pelancongan di Sabah, Sarawak, Kalimantan dan Borneo. Filipina akan memperluaskan pengecualian cukai perjalanan bagi sempadan udara dan laut kepada penumpang-penumpang yang naik dari pelabuhan antarabangsa di Mindanao sehingga bulan Mac tahun 2000. Brunei Darussalam menyediakan kemudahan masuk melalui udara, darat dan laut kepada warganegara Indonesia dan Filipina serta telah memperkenalkan visa transit 72 jam kepada semua pelancong yang melawat

negara tersebut. Malaysia dan Brunei juga sedang mengkaji kemungkinan mengadakan kad pintar istimewa kepada perjalanan di antara sempadan kedua-dua negara.

Aktiviti-aktiviti pembinaan di rantau BIMP-EAGA telah meningkat dan konsortium EAGA akan ditubuhkan bertujuan mengadakan kerjasama pada peringkat projek. Pihak konsortium berhasrat mewujudkan barangan dan perkhidmatan yang kompetitif di kalangan konsultan dan kontraktor yang menyediakan perkhidmatan di kawasan kerjasama EAGA. Pameran pembinaan Bahan Binaan BIMP-EAGA yang pertama telah diadakan di Davao City, Filipina pada bulan Oktober 1997 berjaya menghasilkan jualan bernilai AS\$5 juta. BIMP-EAGA telah juga menarik minat pelabur dari negara-negara seperti Australia (Kawasan Utara) dan Jepun serta Bank Pembangunan Islam (IDB). Perjanjian Perdagangan di antara Australia dan BIMP-EAGA meliputi pemindahan teknologi pembinaan jalanraya, penghantaran daging lembu sejuk dan halal kepada Brunei dan Malaysia serta pembinaan janakuasa. Pihak Jepun juga terlibat di dalam Program Pembangunan Bersama Davao dan membuat kajian kemungkinan mengadakan kemudahan pemprosesan lumut laut di Pulau Sulu atau Tawi-tawi. IDB pula menunjukkan minat untuk menubuhkan Bank Islam di Mindanao, Filipina.

Di Wilayah **IMS-GT**, keutamaan adalah bagi meningkatkan kemudahan keluar-masuk ke kawasan segitiga dan kerjasama di sektor pelancongan. Hubungan di antara Singapura dan Johor telah dipertingkatkan dengan wujudnya jalan masuk kedua sementara Indonesia telah mencadangkan sistem perhubungan dari Dumai ke Port Dickson di Malaysia. Perhubungan laut dijangka memudahkan perdagangan, pelancongan, pergerakan penduduk dan pembangunan perindustrian. Bagi meningkatkan kesedaran terhadap kawasan segitiga, inisiatif telah diambil untuk menerbitkan Buku Panduan Pelancongan IMS-GT. Terdapat juga cadangan supaya digubal rancangan pelancongan dua tahun yang akan meningkatkan tarikan secara berkumpulan ke kawasan segitiga.

Ekonomi Negara-negara Asia Timur Laut

Ekonomi Asia Timur Laut yang merangkumi negara-negara China, Korea Selatan, Taiwan dan Hong Kong, China dijangka mencatat penurunan

yang ketara pada tahun 1998 disebabkan oleh krisis kewangan serantau. Keadaan ini adalah disebabkan oleh penurunan penggunaan dan pelaburan yang lebih besar daripada yang dijangka disebabkan oleh kurangnya keyakinan pelabur, beban hutang korporat dan pengaliran keluar modal yang besar. Tanda-tanda kelemahan ekonomi yang ketara di negara Jepun turut memberi kesan yang negatif kepada ekonomi negara-negara ini. Pertumbuhan KDNK negara-negara tersebut adalah dijangka dalam lingkungan di antara negatif 7% (Korea Selatan) dan 5.5% (China).

Pengeluaran

Pada tahun 1998, pertumbuhan KDNK **China** dijangka menurun dengan ketara kepada 5.5% (1997: 8.8%) disebabkan kelemahan permintaan dalam dan luar negeri dan penambahan lebihan inventori yang perlu dikurangkan. Kejadian banjir besar baru-baru ini telah juga menyebabkan kemerosotan kadar pertumbuhan. Cadangan perbelanjaan ke atas infrastruktur seperti jalanraya, lapangan terbang dan keretapi dan pengurangan kadar faedah akan menyokong peningkatan aktiviti ekonomi pada tahun 1998. Pertumbuhan yang perlahan juga telah mempercepatkan usaha-usaha reformasi struktur di sektor kewangan dan perusahaan awam. Di **Korea Selatan**, pertumbuhan dijangka menguncup sebanyak 7% pada tahun 1998 (1997: 5.5%). Krisis kewangan telah membawa kepada pengurangan yang berterusan kepada pasaran ekuiti dan nilai asset. Masalah dalam sektor korporat dan kewangan telah juga bertambah. Pertumbuhan yang perlahan di negara Jepun telah menyebabkan keyakinan dan aktiviti di rantau ini juga menurun. Penurunan dalam penggunaan (1998: -3.5%, 1997: 3.5%) dan pelaburan dalam negeri (1998: 25.1%, 1997: 35%) telah melenyapkan kesan positif yang timbul daripada pertumbuhan permintaan luar negeri bersih. Kesan daripada krisis kewangan serantau telah juga menyebabkan kadar pertumbuhan **Taiwan** menurun tetapi masih positif pada kadar 4% pada tahun 1998 (1997: 6.9%). Namun begitu, ekonomi Taiwan kurang terjejas disebabkan keadaan ekonomi makro dan sektor kewangan yang baik dan kukuh. Ekonomi **Hong Kong, China** dijangka mencatat pertumbuhan negatif sebanyak 5% pada tahun 1998 (1997: 5.3%), mencerminkan kelemahan permintaan pengguna yang berterusan, kemerosotan pelaburan yang ketara dan jumlah eksport yang terus berkurangan.

Jadual 3.3

Asia Timur Laut: Keluaran Dalam Negara Kasar, Inflasi, dan Kedudukan akaun Semasa

	1997	1998 ^a	1999 ^u
Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (%)			
China	8.8	5.5	8.1
Hong Kong, China	5.3	-5.0	0.0
Korea Selatan	5.5	-7.0	-1.0
Taiwan	6.9	4.0	3.9
Kadar Inflasi (%)			
China	2.8	<1	3.5
Hong Kong, China	5.7	3.0	-3.8
Korea Selatan	4.4	8.5	4.3
Taiwan	2.1	2.0	2.0
Kedudukan Akaun Semasa (AS\$b)			
China	35.5	31.6	15.0
Hong Kong, China	-5.5	-0.0	-1.9
Korea Selatan	-8.2	39.0	26.7
Taiwan	7.7	5.1	6.0

^a Anggaran

^u Unjuran


Sumber: Laporan Negara, IMF World Economic Outlook, September 1998, EIU

Inflasi

Inflasi di Negara-negara Asia Timur Laut dijangka berada pada julat di antara 1% hingga 8%. Tekanan ke atas inflasi akibat daripada penyusutan nilai mata wang semakin dirasai oleh kebanyakan negara-negara yang terlibat. Walau bagaimanapun, inflasi di **China** dijangka rendah disebabkan oleh dasar kewangan dan fiskal yang ketat, telah mengawal penawaran wang. Simpanan bijirin yang mencukupi di negara tersebut telah juga membantu mengatasi kekurangan yang timbul di kawasan-kawasan yang dilanda banjir dan harga dijangka tidak naik dengan ketara. Inflasi di China dijangka mencatat kadar kurang daripada 1% pada tahun 1998 (1997: 2.8%). Inflasi di **Korea Selatan** mencatat peningkatan yang tinggi sebanyak 9.5% dan 9% pada bulan Februari dan Mac tahun 1998.

Carta 3.3

Negara-Negara Membangun - Petunjuk-Petunjuk Ekonomi Utama



1/ Anggaran median

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 1998, EIU

Semenjak itu, kadar inflasi telah menurun disebabkan oleh kadar pertukaran yang stabil, permintaan dalam negeri yang lemah dan ketiadaan tekanan upah. Walau bagaimanapun, kadar inflasi dijangka berada pada paras yang tinggi iaitu 8.5% pada tahun 1998 (1997: 4.4%). Di **Taiwan**, sementara nilai dolar NT yang semakin lemah berbanding dolar AS telah memberi tekanan ke atas harga dalam negeri, aliran harga di peringkat antarabangsa yang stabil, kadar inflasi tempatan yang sederhana di sektor perkhidmatan dan harga makanan yang stabil akan membantu mengurangkan inflasi. Inflasi bagi tahun 1998 diramal kekal pada paras 2% (1997: 2.1%). Di **Hong Kong, China**, inflasi dijangka menurun kepada 3% pada tahun 1998 (1997: 5.7%). Inflasi yang disebabkan oleh pengaruh luaran dijangka dapat dibendung manakala tekanan inflasi yang disebabkan oleh pengaruh dalaman dijangka semakin menurun disebabkan kadar pertumbuhan ekonomi yang perlahan dan proses pengubahsuaian harga dan kos dalam ekonomi tempatan.

Perdagangan dan Imbangan Pembayaran

Prestasi Perdagangan di negara-negara Asia Timur Laut dijangka lebih rendah pada tahun 1998 disebabkan oleh kejatuhan import yang menjunam. Walau bagaimanapun, kedudukan akaun semasa dijangka positif kecuali bagi Hong Kong, China.

Lebih dagangan negara **China** telah meningkat secara mendadak kepada 22.8% dan mencatatkan AS\$31.3 bilion di antara bulan Januari hingga Ogos 1998 (1997: AS\$40.3 bilion). Export meningkat 5.5% bagi tempoh ini, jauh lebih rendah dari 20.9% yang dicatatkan pada tahun 1997. Export bagi tahun 1998 dijangka menurun dengan ketara kepada 4% (1997: 20.9%). Import bagi tempoh bulan Januari hingga Ogos meningkat hanya sebanyak 0.4% kepada AS\$87.3 bilion. Import dari negara Hong Kong, China yang sejak dulu kebanyakannya merupakan bahan input yang digunakan untuk pemprosesan sebelum dieksport semula, telah mengalami penurunan secara mendadak. Bagi keseluruhan tahun 1998, import dijangka mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 5% (1997: 3.7%). Lebih akaun semasa dijangka mencatat AS\$31.6 bilion pada tahun 1998 (1997: AS\$35.5 bilion). Di **Korea Selatan**, lebih akaun semasa mencatat AS\$25.5 bilion pada tujuh bulan pertama tahun 1998 jika dibandingkan dengan AS\$11.1 bilion bagi tempoh yang sama pada tahun 1997. Lebih akaun semasa ini adalah disebabkan oleh lebih akaun perdagangan barangan sebanyak AS\$3.95 bilion. Nilai import menjunam sebanyak 44.4% jika dibandingkan dengan setahun yang lalu, jauh lebih teruk daripada kejatuhan nilai eksport sebanyak 9.7%. Nilai import telah menurun disebabkan kemerosotan penggunaan dalam negeri dan pelaburan di samping kejatuhan harga minyak di pasaran antarabangsa. Sementara itu, faktor-faktor luaran seperti pasaran Asia yang tertekan dan penurunan nilai mata wang negara-negara pesaing telah memberi kesan kepada eksport. Walau bagaimanapun, jumlah eksport dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 13.8% bagi keseluruhan tahun 1998, manakala import dijangka menguncup sebanyak 11.3%. Lebih akaun semasa bagi keseluruhan tahun 1998 dijangka sebanyak AS\$39 bilion (1997: -AS\$8.2 bilion).

Di **Taiwan**, pertumbuhan eksport jatuh sebanyak 7.2% pada suku kedua tahun 1998 akibat daripada krisis kewangan Asia. Ini telah menyebabkan lebih dagangan yang berkurangan sebanyak

AS\$1.33 bilion berbanding AS\$1.69 bilion untuk tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Bagi keseluruhan tahun 1998 eksport dijangka menurun kepada 7% daripada 9% pada tahun 1997. Import juga dijangka menurun kepada 9.4% (1997: 14.2%). Lebih akaun semasa Taiwan dijangka mencatatkan sebanyak AS\$5.1 bilion pada tahun 1998 (1997: AS\$7.7 bilion). Di **Hong Kong, China**, pada tahun 1998, eksport barangan diramal menguncup sebanyak 2%, manakala eksport perkhidmatan diramal menguncup sebanyak 4% (1997: 6.1%; -0.6%). Ini adalah disebabkan permintaan yang lemah di pasaran serantau. Import juga diramal menurun disebabkan kadar penggunaan yang lemah, pengangguran yang semakin meningkat dan penguncupan aktiviti ekonomi. Import barangan dijangka menguncup kepada 3.5% pada tahun 1998, sementara eksport perkhidmatan pula dijangka mengecut kepada 1% (1997: 7.2%; 4.3%). Akaun semasa pula dijangka kekal seimbang pada tahun 1998 (1997: -AS\$5.5 bilion).

Negara-negara Membangun Yang Lain

Pengeluaran

Pada keseluruhannya, kadar pertumbuhan bagi negara-negara membangun di Asia Selatan, Amerika Latin, Afrika dan Timur Tengah dijangka sederhana pada tahun 1998. Kadar pertumbuhan di kawasan **Timur Tengah** mencatat pengurangan tertinggi daripada 4.7% pada tahun 1997 kepada 2.3% pada tahun 1998, disebabkan oleh penurunan mendadak harga minyak. Keadaan ini bukan sahaja mempengaruhi negara-negara pengeluar minyak di rantau ini tetapi juga negara-negara lain disebabkan oleh pengiriman wang dan permintaan serantau yang semakin berkurangan. Pengurangan dalam perbelanjaan fiskal **Republik Islam Iran, Arab Saudi** dan negara-negara pengeluar minyak yang lain, walaupun telah membantu mengurangkan kesan kemerosotan baki belanjawan dan imbangan luaran, dijangka mengekang pertumbuhan. **Mesir, Republik Islam Iran, Jordan dan Turki** dijangka mencatat kadar pertumbuhan yang rendah sedikit iaitu di antara 1% hingga 5% pada tahun 1998. Di **Afrika**, kadar pertumbuhan dijangka meningkat kepada 3.7% pada tahun 1998 (1997: 3.2%). Perkembangan ekonomi di rantau Afrika adalah berbeza-beza. Beberapa negara telah menikmati peningkatan pengeluaran pertanian dan mendapat manfaat daripada pertumbuhan pesat di Eropah. Kejatuhan

harga minyak dan komoditi bukan minyak juga menguntungkan banyak negara lain di Afrika. Sebaiknya, beberapa negara telah terjejas oleh harga komoditi yang rendah dan pergolakan dalam negeri. Di **Algeria**, pengeluaran di sektor pertanian yang bertambah baik dijangka membantu meningkatkan kadar pertumbuhan kepada 4% pada tahun 1998 (1997: 1.3%), walaupun harga minyak yang rendah. Di **Tunisia**, pertumbuhan pengeluaran perkilangan dijangka kekal pada kadar yang tinggi pada tahun 1998-1999, didorong oleh pemulihan di pasaran Eropah. Secara keseluruhannya, KDNK Tunisia dijangka bertambah kukuh kepada 5.9% (1997: 5.6%). Di **Nigeria**, kadar pertumbuhan dijangka berkurangan kepada 2% dalam tahun 1998 (1997: 3.9%), sebahagiannya disebabkan oleh kejatuhan harga minyak dan ketidakstabilan politik. Ekonomi **Afrika Selatan** dijangka menurun kepada 0.8% (1997: 1.7%). Di **Kenya**, kadar pertumbuhan dijangka bertambah kukuh pada tahun 1998 kepada 2.7% (1997: 1.8%).

Krisis di Asia dan Russia telah menimbulkan tekanan ke atas pasaran ekuiti dan pasaran mata wang di **Amerika Latin**. Di samping itu, harga minyak dan komoditi lain yang rendah dijangka memperlahankan pertumbuhan ekonomi di rantau tersebut. Pada tahun 1998, ekonomi di rantau ini dijangka meningkat kepada 2.8% (1997: 5.1%). Di **Mexico**, pertumbuhan dianggar sebanyak 4.5% pada tahun 1998 (1997: 7%) disebabkan terutamanya oleh pendapatan yang merosot berikutan kejatuhan harga minyak, pemotongan perbelanjaan awam dan keupayaan yang terhad sektor bukan eksport. Pertumbuhan perlahan perdagangan dunia disebabkan oleh krisis di Asia dijangka melemahkan pertumbuhan ekonomi **Argentina** pada tahun 1998 kepada 5% (1997: 8.6%). Di **Brazil**, pasaran pertukaran dan ekuiti tertekan berikutan pergolakan di pasaran kewangan Asia dan Russia dan pertumbuhan dijangka perlahan kepada 1.5% pada tahun 1998 (1997: 3.2%). Kejatuhan harga minyak yang ketara dijangka menyusutkan pertumbuhan bagi **Venezuela** di mana hampir separuh daripada pendapatan negara berpunca daripada hasil jualan minyak. Pada tahun 1998, keluaran dalam negara kasar dijangka menguncup kepada 2.5% (1997: 5.1%). Venezuela sedang mengambil langkah-langkah bagi menggalakkan kepelbagaian ekonomi dan membuka sektor-sektor seperti perbankan, besi dan keluli, dan petrokimia. Kejatuhan harga tembaga dan pendedahan yang ketara **Chile**

kepada Asia yang merupakan separuh daripada pasaran eksportnya dijangka memperlahankan pertumbuhan kepada 4.5% pada tahun 1998 (1997: 7.1%).

Bagi negara-negara di rantau **Asia Selatan**, kadar pertumbuhan dijangka menurun sedikit disebabkan terutamanya oleh kesan menular krisis Asia. Kadar pertumbuhan di **India** dijangka menurun sedikit kepada 4.8% pada tahun 1998 (1997: 5.6%), sementara pertumbuhan di **Pakistan** dijangka mencatat peningkatan sebanyak 5.4% pada tahun 1998 (1997: 1.3%), berikutan langkah-langkah pengubahsuaian yang dijalankan untuk memulihkan ekonomi. Kadar pertumbuhan di **Bangladesh** dijangka menurun sedikit kepada 4.2% pada tahun 1998 (1997: 5.7%) disebabkan oleh pengurangan eksport khususnya ke negara-negara Asia. Walau bagaimanapun, banjir paling teruk pernah dialami oleh Bangladesh dalam dekad ini yang bermula pada bulan Julai 1998 telah menyebabkan kerosakan meluas kepada ekonomi dan mungkin menjejaskan kadar pertumbuhan. **Sri Lanka** dijangka mencatat kadar pertumbuhan yang lebih rendah sebanyak 5% pada tahun 1998 (1997: 6.4%) akibat daripada kemerosotan di sektor eksport yang menghadapi persaingan eksport yang lebih murah dari rantau Asia Tenggara.

Inflasi

Inflasi di rantau **Timur Tengah** pada tahun 1998 dijangka kekal pada paras seperti tahun 1997 sebanyak 22.6% berikutan kejatuhan harga minyak dan komoditi bukan minyak yang memberi kesan kepada aktiviti deekonomi dan mengurangkan permintaan. Di **Mesir**, kadar inflasi dijangka menurun kepada 3.3% pada tahun 1998 daripada 6.2% pada tahun 1997, sementara di **Arab Saudi**, langkah-langkah jangka panjang yang telah dijalankan untuk menstabilkan harga terus memberi kesan yang positif dengan inflasi mencatat 0% (1997: -0.4%). Di **Jordan**, kadar inflasi diramalkan meningkat secara sederhana kepada 4% pada tahun 1998 (1997: 3%).

Di **Afrika**, kadar inflasi telah menurun kepada 7.7% pada tahun 1998 daripada 11% pada tahun 1997. Kemajuan yang ketara telah dicapai di negara-negara seperti **Cameroon, Ghana dan Afrika Selatan**. **Sudan**, terutamanya telah menunjukkan perubahan yang besar dengan kadar inflasi menurun kepada 12.3% dari 46.7% pada

Jadual 3.4

Negara-negara Membangun: Pengeluaran, Inflasi dan Kedudukan Akaun Semasa

	1997			1998 ^a			1999 ^u		
	KDNK Benar (%)	Inflasi ¹	Kedudukan Akaun Semasa ²	KDNK Benar (%)	Inflasi ¹	Kedudukan Akaun Semasa ²	KDNK Benar (%)	Inflasi ¹	Kedudukan Akaun Semasa ²
Negara-negara Membangun	5.8	9.1	-61.8	2.3	10.3	-78.3	3.6	8.3	-63.2
Mengikut Rantau									
Afrika	3.2	11.0	-5.3	3.7	7.7	-14.7	4.7	7.1	-12.7
Asia	6.6	4.7	4.7	1.8	8.3	37.2	3.9	7.0	39.4
Amerika Latin	5.1	13.9	-64.9	2.8	10.8	-80.5	2.7	9.4	-71.0
Timur Tengah	4.7	22.6	3.7	2.3	22.6	-20.3	2.7	13.7	-18.9

¹ Harga-harga pengguna-pengguna diwajarkan² AS\$ billion^a Anggaran^u Unjuran

Sumber: IMF World Economic Outlook, September 1998, EIU

tahun 1997, mencerminkan kejayaan langkah-langkah ekonomi yang dilaksanakan. Di **Nigeria**, kadar inflasi dijangka meningkat kepada 9% pada tahun 1998 daripada 8.5% pada tahun 1997.

Kadar inflasi di negara-negara **Amerika Latin** dijangka menurun dengan ketara kepada 10.8% pada tahun 1998 (1997: 13.9%) disebabkan oleh pelaksanaan dasar kewangan dan fiskal yang berhemat, permintaan agregat yang lemah akibat daripada krisis kewangan Asia dan harga komoditi yang rendah. Kestabilan peso secara relatifnya dijangka mencatatkan penurunan kadar inflasi di **Mexico** dengan ketara kepada 15.3% pada tahun 1998 (1997: 20.6%), sementara langkah-langkah kewangan yang diperkenalkan di bawah Rancangan Real pada tahun 1994 dijangka terus menurunkan kadar inflasi di **Brazil** kepada 5% pada tahun 1998 (1997: 7.9%). Kadar inflasi di **Chile** dijangka sederhana sebanyak 5.4% pada tahun 1998 (1997: 6.1%), disebabkan dasar kewangan yang berhemat dan ekonomi yang lebih terbuka dan di **Venezuela** langkah-langkah di

bawah 'Agenda Venezuela' dijangka menurunkan kadar faedah yang tinggi secara beransur-ansur kepada 37% pada tahun 1998 (1997: 50%). Di **Argentina**, inflasi dijangka meningkat sedikit kepada 1.3% pada tahun 1998 (1997: 0.8%) disebabkan oleh harga pengguna yang meningkat.

Inflasi di negara-negara **Asia Selatan** dijangka terus berada di dalam julat di antara 7%-8.6% pada tahun 1998. **Pakistan** dijangka mengalami penurunan kadar inflasi yang mendadak kepada 8% (1997:12.5%) disebabkan oleh penurunan harga makanan, harga import yang rendah dan tekanan permintaan yang lemah disebabkan oleh langkah-langkah fiskal. Di kedua-dua negara **India** dan **Bangladesh**, kadar inflasi dijangka meningkat kepada 7.2% dan 8.6% pada tahun 1998 kesan daripada daripada krisis kewangan Asia (1997: 6.3% dan 4.8%). Kadar inflasi di **Sri Lanka** baru-baru ini telah meningkat kepada 10.2% sehingga September 1998 (1997: 10.7%), berikutan gangguan penawaran dan keadaan kecairan yang longgar.

Perdagangan dan Imbangan Pembayaran

Prestasi perdagangan negara-negara membangun dijangka merosot sedikit pada tahun 1998 kesan krisis Asia yang dirasai oleh kebanyakan rantau. Di **Timur Tengah**, eksport dijangka berkurangan kepada AS\$190.7 bilion pada tahun 1998 daripada AS\$209.2 bilion pada tahun 1997, disebabkan kejatuhan harga minyak dan komoditi bukan minyak. Import dijangka meningkat kepada AS\$196.7 bilion daripada AS\$189.2 bilion. Defisit akaun semasa bagi negara-negara Timur Tengah juga dijangka merosot kepada AS\$20.3 bilion pada tahun 1998 (1997: AS\$3.7 bilion) dengan **Arab Saudi** dan **Mesir** menunjukkan defisit akaun semasa yang besar sebanyak 8.3% dan 2.4% daripada KDNK (1997: 0.2% ; 0.2% daripada KDNK).

Eksport dari **Afrika** dijangka merosot kepada AS\$106.5 bilion pada tahun 1998 (1997: AS\$113.6 bilion), sementara import dijangka meningkat kepada AS\$105.3 bilion (1997: AS\$103.1 bilion). Bagi negara-negara pengeksporth minyak di rantau ini, kejatuhan harga minyak telah menyebabkan kelemahan yang berterusan kepada kedudukan akaun semasa. Defisit dalam akaun semasa Afrika dijangka semakin buruk kepada AS\$14.7 bilion pada tahun 1998 berbanding AS\$5.3 bilion pada tahun 1997.

Pengurangan aliran modal swasta, permintaan eksport yang lemah dan kejatuhan harga minyak dan komoditi lain dijangka menyumbang kepada defisit akaun semasa yang besar di negara-negara **Amerika Latin**. Di **Mexico**, defisit akaun semasa dianggarkan mencapai 3.4% daripada KDNK (1997: -1.9% daripada KDNK) disebabkan terutamanya oleh kejatuhan harga minyak, sementara di **Brazil**, defisit akaun semasa dijangka mengecil sedikit kepada 3.6% daripada KDNK pada tahun 1998 (1997: -4.2% daripada KDNK). Kejatuhan harga tembaga dan permintaan dari negara-negara Asia yang lemah dijangka melebarkan lagi defisit akaun semasa **Chile** kepada 7% daripada KDNK pada tahun 1998 (1997: -5.3% daripada KDNK). Di **Argentina**, permintaan dalam negeri yang tinggi khususnya import modal dan barangan pengguna dijangka meningkatkan defisit akaun semasa kepada 4.4% daripada KDNK pada tahun 1998 (1997: -3.5% daripada KDNK). Di **Venezuela**, kejatuhan pendapatan hasil minyak dijangka

memberi kesan kepada kedudukan akaun semasanya kepada 2% daripada KDNK pada tahun 1998 (1997: 6.2% daripada KDNK).

Bagi ekonomi-ekonomi **Asia Selatan**, eksport dijangka meningkat secara sederhana kepada AS\$52.8 bilion pada tahun 1998 (1997: AS\$50.5 bilion). Import juga dijangka meningkat kepada AS\$65.1 bilion (1997: AS\$63.5 bilion). Defisit akaun semasa dijangka berjumlah AS\$10.3 bilion pada tahun 1998 (1997: AS\$10.1 bilion).

Kedudukan Ekonomi Negara-negara Peralihan

Prestasi dan prospek pertumbuhan ekonomi di negara-negara peralihan telah tergugat akibat daripada tekanan pasaran kewangan yang kuat di Russia. Walaupun wujudnya perbezaan prestasi yang ketara, aktiviti ekonomi di negara-negara peralihan sebagai satu kumpulan dijangka terbantut dengan pertumbuhan KDNK menguncup sebanyak 0.2% pada tahun 1998 (1997: 2%). Kadar inflasi yang tinggi merupakan masalah utama yang membimbangkan negara-negara tersebut di mana ia dijangka berada pada paras 29.5% 1997: 27.9%).

Pengeluaran

Russia merupakan negara yang paling terdedah kepada kemerosotan sentimen pasaran akibat daripada krisis kewangan Asia. Negara ini telah mengalami tekanan kewangan yang kuat akibat daripada ketidakseimbangan fiskal, tanggungan jangka pendek kepada pelabur asing yang ketara dan kelewatan dalam melaksanakan reformasi struktur. Dalam beberapa keadaan, Russia terpaksa menaikkan kadar faedah untuk mempertahankan mata wang rouble berikutan kesulitan untuk menunaikan bil Perbendaharaan jangka pendek yang dipegang oleh bukan pemastautin, pengaliran keluar modal yang berterusan dan pengurangan pendapatan eksport minyak. Russia juga tidak dapat mengatasi isu defisit belanjawan dan masalah pungutan hasil. Komitmen ke atas dasar-dasar baru telah dibuat dan bantuan tambahan kewangan yang besar telah diperolehi daripada IMF. Walau bagaimanapun, pemulihan keyakinan pasaran masih belum dicapai. Ketidaktentuan keadaan kewangan telah memberi kesan negatif ke atas prestasi pertumbuhan dan prospek pertumbuhan ekonomi Russia. Pertumbuhan KDNK dijangka menguncup sebanyak 6% pada tahun 1998 (1997: 0.9%).

Inflasi

Masalah ekonomi masakini yang dialami oleh **Russia** telah juga memberi kesan kepada harga pengguna. Penurunan nilai rouble telah menjurus kepada tekanan inflasi yang mendadak. Inflasi meningkat ke paras 15% pada bulan Ogos 1998 berbanding 2% pada bulan Julai dan bagi keseluruhan tahun 1998 ia dijangka mencapai 48% (1997: 15%). Keadaan ini menjadi bertambah teruk dengan tindakan menentukan harga perdagangan secara monopoli, menaikkan cukai kastam dan cukai nilai ditambah (VAT) dan memperkenalkan cukai jualan di wilayah-wilayah tertentu.

Perdagangan dan Imbangan Bayaran

Perdagangan luar negeri hanyalah sebahagian kecil daripada ekonomi **Russia**. Eksport **Russia** mewakili 18% daripada KDNK jika dinilai dengan dolar AS, manakala import mewakili 14%. Bagi tahun 1998, eksport dan import dijangka meningkat kepada AS\$98.7 bilion dan AS\$97.3 (1997: AS\$94.9 bilion; AS\$81 bilion). Peningkatan import adalah disebabkan oleh kemelut di sektor pertanian yang menjurus kepada peningkatan permintaan ke atas makanan yang diimport terutamanya dari Eropah Barat. Kejatuhan mendadak harga minyak dan komoditi telah memberi kesan kepada eksport. Kedudukan akaun semasa **Russia** dijangka mencatat defisit sebanyak AS\$4.1 bilion pada tahun 1998 (1997: -0.6% daripada KDNK).

Kerjasama Ekonomi dan Kewangan

Semenjak bermulanya krisis kewangan di Asia, berbagai inisiatif telah diambil di peringkat pelbagai hala dan serantau untuk mengukuhkan sistem kewangan dan mengadakan dasar serta langkah untuk mengembalikan kestabilan kewangan.

Proses Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan APEC telah melancarkan beberapa inisiatif untuk menggalakkan pembangunan pasaran modal termasuklah membangunkan pasaran bon dalam negeri; mengukuhkan sistem kewangan antarabangsa; meningkatkan pembiayaan infrastruktur di rantau APEC dan menggalakkan aliran modal yang bebas dan stabil melalui Pelan Tindakan Sukarela (VAP). Laporan mengenai

kedudukan semasa pasaran bon dan potensi pembangunannya akan dibentangkan kepada Menteri-menteri Kewangan APEC dalam mesyuarat mereka pada bulan Mei tahun 1999. Satu rancangan kerja telah disediakan bagi membolehkan VAP beroperasi sebagai mekanisme untuk menggalak dan menambah keyakinan dalam membantu kemasukan modal di rantau ini. Semasa mesyuarat di Kananaskis, Kanada pada bulan Mei 1998, Menteri-menteri bersetuju dengan inisiatif untuk mengukuhkan pentadbiran korporat dan meningkatkan pemantauan ke atas sektor kewangan. Satu seminar mengenai pentadbiran korporat akan berlangsung di Australia pada bulan November 1998 bagi mendapatkan pandangan sektor swasta mengenai inisiatif ini. Laporan seminar ini akan dibentangkan dalam mesyuarat peringkat Menteri pada bulan Mei 1999.

Sebagai respons kepada krisis kewangan di Asia, **Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM)** telah mengesahkan penubuhan Tabung Amanah ASEM di Bank Dunia bagi membantu usaha-usaha pemulihan di negara-negara yang menerima kesan daripada krisis kewangan. Tabung ini yang memulakan operasinya sejak bulan Julai 1998, akan memberi bantuan teknikal dan khidmat nasihat berhubung dengan penstrukturan semula sektor kewangan dan mencari kaedah yang berkesan menghapuskan kemiskinan. Persetujuan telah dicapai berhubung aspek perundangan penubuhan tabung ini dan United Kingdom telah berjanji untuk menyumbang £5 juta. Satu rangkaian yang dikenali sebagai Rangkaian Pakar-pakar Kewangan Eropah (EFEX) akan diwujudkan bagi meningkatkan kualiti dan kuantiti nasihat yang disediakan oleh pakar-pakar kepada sektor kewangan di negara-negara ASEM dalam Asia. Pada 29 Julai 1998, EU memutuskan supaya kumpulan kecil (rumah penjelasan) yang diuruskan oleh EFEX ditubuhkan. ASEM telah juga bersetuju menangani isu-isu berkaitan dengan penyimpanan wang haram di mana kerjasama meliputi pertukaran kepakaran dan kajian bersama ke atas hubungan kegiatan jenayah ini dengan pasaran kewangan di Asia dan Barat. Kerja-kerja untuk menyediakan skop dan kos yang terperinci sedang dilaksanakan.

Kesan global daripada krisis kewangan Asia, G-22 atau Kumpulan Willard telah menubuhkan tiga kumpulan kerja untuk meneliti isu-isu yang berkaitan kestabilan sistem kewangan antarabangsa dan fungsi efektif pasaran modal

Inflasi

Masalah ekonomi masakini yang dialami oleh **Russia** telah juga memberi kesan kepada harga pengguna. Penurunan nilai rouble telah menjurus kepada tekanan inflasi yang mendadak. Inflasi meningkat ke paras 15% pada bulan Ogos 1998 berbanding 2% pada bulan Julai dan bagi keseluruhan tahun 1998 ia dijangka mencapai 48% (1997: 15%). Keadaan ini menjadi bertambah teruk dengan tindakan menentukan harga perdagangan secara monopoli, menaikkan cukai kastam dan cukai nilai ditambah (VAT) dan memperkenalkan cukai jualan di wilayah-wilayah tertentu.

Perdagangan dan Imbangan Bayaran

Perdagangan luar negeri hanyalah sebahagian kecil daripada ekonomi **Russia**. Eksport **Russia** mewakili 18% daripada KDNK jika dinilai dengan dolar AS, manakala import mewakili 14%. Bagi tahun 1998, eksport dan import dijangka meningkat kepada AS\$98.7 bilion dan AS\$97.3 (1997: AS\$94.9 bilion; AS\$81 bilion). Peningkatan import adalah disebabkan oleh kemelut di sektor pertanian yang menjurus kepada peningkatan permintaan ke atas makanan yang diimport terutamanya dari Eropah Barat. Kejatuhan mendadak harga minyak dan komoditi telah memberi kesan kepada eksport. Kedudukan akaun semasa **Russia** dijangka mencatat defisit sebanyak AS\$4.1 bilion pada tahun 1998 (1997: -0.6% daripada KDNK).

Kerjasama Ekonomi dan Kewangan

Semenjak bermulanya krisis kewangan di Asia, berbagai inisiatif telah diambil di peringkat pelbagaihala dan serantau untuk mengukuhkan sistem kewangan dan mengadakan dasar serta langkah untuk mengembalikan kestabilan kewangan.

Proses Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan APEC telah melancarkan beberapa inisiatif untuk menggalakkan pembangunan pasaran modal termasuklah membangunkan pasaran bon dalam negeri; mengukuhkan sistem kewangan antarabangsa; meningkatkan pembiayaan infrastruktur di rantau APEC dan menggalakkan aliran modal yang bebas dan stabil melalui Pelan Tindakan Sukarela (VAP). Laporan mengenai

kedudukan semasa pasaran bon dan potensi pembangunannya akan dibentangkan kepada Menteri-menteri Kewangan APEC dalam mesyuarat mereka pada bulan Mei tahun 1999. Satu rancangan kerja telah disediakan bagi membolehkan VAP beroperasi sebagai mekanisme untuk menggalak dan menambah keyakinan dalam membantu kemasukan modal di rantau ini. Semasa mesyuarat di Kananaskis, Kanada pada bulan Mei 1998, Menteri-menteri bersetuju dengan inisiatif untuk mengukuhkan pentadbiran korporat dan meningkatkan pemantauan ke atas sektor kewangan. Satu seminar mengenai pentadbiran korporat akan berlangsung di Australia pada bulan November 1998 bagi mendapatkan pandangan sektor swasta mengenai inisiatif ini. Laporan seminar ini akan dibentangkan dalam mesyuarat peringkat Menteri pada bulan Mei 1999.

Sebagai respons kepada krisis kewangan di Asia, **Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM)** telah mengesahkan penubuhan Tabung Amanah ASEM di Bank Dunia bagi membantu usaha-usaha pemulihan di negara-negara yang menerima kesan daripada krisis kewangan. Tabung ini yang memulakan operasinya sejak bulan Julai 1998, akan memberi bantuan teknikal dan khidmat nasihat berhubung dengan penstrukturan semula sektor kewangan dan mencari kaedah yang berkesan menghapuskan kemiskinan. Persetujuan telah dicapai berhubung aspek perundangan penubuhan tabung ini dan United Kingdom telah berjanji untuk menyumbang £5 juta. Satu rangkaian yang dikenali sebagai Rangkaian Pakar-pakar Kewangan Eropah (EFEX) akan diwujudkan bagi meningkatkan kualiti dan kuantiti nasihat yang disediakan oleh pakar-pakar kepada sektor kewangan di negara-negara ASEM dalam Asia. Pada 29 Julai 1998, EU memutuskan supaya kumpulan kecil (rumah penjelasan) yang diuruskan oleh EFEX ditubuhkan. ASEM telah juga bersetuju menangani isu-isu berkaitan dengan penyimpanan wang haram di mana kerjasama meliputi pertukaran kepakaran dan kajian bersama ke atas hubungan kegiatan jenayah ini dengan pasaran kewangan di Asia dan Barat. Kerja-kerja untuk menyediakan skop dan kos yang terperinci sedang dilaksanakan.

Kesan global daripada krisis kewangan Asia, G-22 atau Kumpulan Willard telah menubuhkan tiga kumpulan kerja untuk meneliti isu-isu yang berkaitan kestabilan sistem kewangan antarabangsa dan fungsi efektif pasaran modal

global. Tiga kumpulan kerja ini termasuklah meningkatkan ketelusan dan pemberitahuan dalam proses membuat keputusan oleh sektor awam dan swasta; mengukuhkan sistem kewangan dan struktur pasaran di pasaran perindustrian dan muncul; dan pengurusan krisis kewangan antarabangsa secara langsung tanggungjawab bersama yang sesuai di antara sektor awam dan swasta semasa krisis. Laporan ini telah dipertimbangkan oleh Menteri-menteri Kewangan G-22 pada bulan Oktober tahun 1998 dan akan diperluas ke institusi kewangan antarabangsa dan negara-negara anggota untuk tindakan selanjutnya.

Di peringkat ASEAN, negara-negara anggota berusaha mengukuhkan kerjasama serantau bagi mengembalikan keyakinan dan kestabilan ekonomi. Semasa Sidang Kemuncak Tidak Rasmi ASEAN Kedua yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Disember 1997, negara-negara ASEAN telah mengesahkan perlaksanaan Rangka Kerja Manila sebagai asas kepada meningkatkan kerjasama serantau bagi mengembalikan kestabilan kewangan. Rangka Kerja Manila ini telah dirintis semasa mesyuarat Menteri-menteri Kewangan dan Timbalan-timbalan Bank Pusat Asia pada bulan November 1997. Selaras dengan rangka kerja tersebut, ASEAN telah meluluskan penubuhan Proses Pengawasan ASEAN pada bulan Oktober 1998. Proses ini merupakan mekanisme memberi amaran awal bagi membolehkan negara-negara ahli berjaga-jaga kepada risiko yang mungkin terjadi dan proses kajian semula oleh rakan sejawat bagi meningkatkan kestabilan ekonomi makro dan sistem kewangan di rantau ini.

Negara-negara ASEAN telah juga bersetuju untuk mempercepatkan integrasi ekonomi serantau dan meningkatkan perdagangan intra-ASEAN secara langsung bagi liberalisasi dan kemudahan pelaburan dan perdagangan. ASEAN sedang giat berusaha bagi melaksanakan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA) dan Kawasan Pelaburan ASEAN (AIA). Rangka Kerja Perjanjian bagi penubuhan AIA untuk mewujudkan kawasan pelaburan yang berdaya saing di rantau ASEAN pada tahun 2020 telah ditandatangani di Manila, Filipina pada bulan Oktober 1998. Bagi kerjasama perindustrian, Skim Kerjasama Perindustrian ASEAN (AICO) sedang dikaji bagi menjadikannya lebih menarik dan memperolehi pelaburan yang baru. Memandangkan semenjak dilaksanakan pada bulan November tahun 1996, hanya 14 kelulusan telah dikeluarkan.

Bagi kerjasama di dalam bidang kastam, usaha sedang dilakukan bagi mengadakan sistem pernamaan tarif yang seragam di mana semua negara anggota menggunakan klasifikasi kastam yang sama menjelang tahun 2000. Negara-negara anggota telah juga mengadakan peraturan bagi mempercepatkan pemeriksaan keluaran di bawah skim CEPT.

Mekanisme Peraturan Pembayaran Duahala (BPA) telah dipersetujui bagi menggalakkan penggunaan mata wang ASEAN di dalam penyelesaian perdagangan intra-ASEAN. Filipina dan Malaysia telah menandatangani perjanjian BPA pada bulan Julai 1998, sementara perbincangan di antara Malaysia dan Thailand sedang berjalan. Peningkatan penggunaan mata wang negara-negara ASEAN dijangka mengurangkan kebergantungan kepada dolar AS dan meminimalkan kesan pergerakan kadar pertukaran yang keterlaluan.

Negara-negara ASEAN telah juga merumuskan Wawasan ASEAN 2020 bagi menentukan keutamaan kerjasama untuk 20 tahun akan datang. Pelan Tindakan Hanoi (HPA) bagi melaksanakan Wawasan 2020 bagi tempoh tiga hingga enam tahun akan datang dijangka diumumkan semasa Sidang Kemuncak Keenam yang akan diadakan pada bulan Disember 1998 di Hanoi, Vietnam. Pihak swasta dijangka memainkan peranan penting dalam memastikan pelaksanaan HPA.

Prospek bagi tahun 1999

Krisis kewangan global yang semakin merebak dijangka melemahkan lagi pertumbuhan ekonomi global pada tahun 1999 dengan ekonomi Jepun mengalami kemelesetan, kejatuhan permintaan dan pengeluaran di rantau Asia dan ketidakstabilan kewangan di Russia dan Amerika Latin. Sebaliknya, program-program pemulihan yang sedang dilaksanakan di Thailand dan Korea Selatan telah mula menampakkan kesan untuk mengembalikan keyakinan pasaran kewangan sementara pertumbuhan di Amerika Syarikat dan wilayah euro dijangka terus kukuh. Faktor-faktor positif ini dijangka membantu pertumbuhan dunia pada tahun 1999, yang dianggap meningkat dengan kadar sederhana sebanyak 2.5%. Di kalangan negara-negara perindustrian, faktor-faktor yang mendorong pertumbuhan ekonomi semasa di kebanyakan negara adalah agak kukuh. Di Amerika

Utara dan benua Eropah, prospek ke arah pertumbuhan tanpa inflasi terus meyakinkan disebabkan asas-asas ekonomi yang terus kukuh. Bagi tahun 1999, pertumbuhan KDNK benar negara-negara perindustrian secara kumpulan dijangka perlahan kepada 2%. Di AS, ekonomi dijangka mengalami pusingan pertumbuhan yang perlahan pada tahun 1999, tetapi kadar penurunannya masih tidak dapat dijangka. Kesan sampingan ke atas pendapatan korporat akibat daripada krisis kewangan di Asia dan beberapa negara pasaran baru muncul di Amerika Latin serta jangkaan pengurangan pelaburan inventori mungkin menyumbang kepada kelemahan aktiviti ekonomi di AS. Bagi tahun 1999, pertumbuhan KDNK benar dijangka sebanyak 2%, berikutan permintaan dalam negeri yang berkurangan manakala permintaan luar negeri terus lemah. Inflasi dijangka dibendung pada paras 2.3%, berikutan jangkaan dasar kewangan yang terus ketat dalam tempoh terdekat.

Di **Jepun**, di sebalik kesan positif yang dijangka hasil daripada beberapa langkah pemulihan ekonomi Kerajaan yang dilancarkan pada tahun 1998, ekonomi diramal terus lembab pada tahun 1999, berikutan kelemahan berterusan permintaan dalam negeri, penggunaan, perbelanjaan modal dan pelaburan perumahan. Tambahan pula, kebimbangan ke atas pasaran buruh yang semakin meningkat akan menggugat sebarang kenaikan pendapatan daripada pemotongan cukai pendapatan. Pertumbuhan KDNK dijangka sebanyak 0.5% pada tahun 1999, didorong terutamanya oleh pakej-pakej perbelanjaan awam yang besar oleh kerajaan.

Krisis kewangan di negara-negara pasaran baru muncul dijangka melemahkan sedikit keadaan ekonomi di Eropah, dengan beberapa negara anggota **Kesatuan Eropah** yang mempunyai hubungan perdagangan dan pelaburan yang rapat dengan Asia dan ekonomi-ekonomi pasaran baru muncul lain menurunkan unjuran pertumbuhan ekonomi mereka bagi tahun 1999. Pertumbuhan di negara-negara Kesatuan Eropah secara keseluruhannya dijangka perlahan kepada purata 2.5% pada tahun 1999 dengan inflasi mencapai paras 1.8%. Prospek pengangguran di kawasan Kesatuan Eropah terus membimbangkan dan dijangka turun sedikit kepada 10% pada tahun 1999 daripada 10.3% yang dianggarkan pada tahun 1998. Di **Jerman**, KDNK benar diramal menurun kepada 2.5%, disebabkan kegawatan kewangan

di Asia dan Russia terus mengekang pertumbuhan eksport, seterusnya memberi kesan kepada pelaburan perniagaan. Di sebalik ketidaktentuan di ekonomi-ekonomi pasaran baru muncul, prospek pengangguran di Jerman adalah memberangsangkan dan dijangka turun kepada 10.6% daripada tenaga buruh pada tahun 1999 (1998: 10.9%). Tinjauan ekonomi di **Perancis**, dijangka terus kukuh pada tahun 1999 dengan pertumbuhan KDNK benar sebanyak 2.8%. Pengangguran dijangka terus menurun kepada 11.2%, mencerminkan kejayaan dasar-dasar pekerjaan kerajaan. Bagi tahun 1999, ekonomi dijangka berkembang dipacu terutamanya oleh perbelanjaan pengguna dan pelaburan perniagaan. Di **UK**, ekonomi diramal perlahan kepada 1.2% pada tahun 1999, mencerminkan penguncupan eksport dan penggunaan swasta. Inflasi dijangka berada pada paras yang lebih kurang sama seperti pada tahun 1998 iaitu sekitar 2.8%. Pengeluaran di **Australia** dijangka perlahan kepada kadar 2% pada tahun 1999 berikutan ketidaktentuan yang berkaitan dengan perkembangan di peringkat antarabangsa dijangka memperlambatkan pelaburan perniagaan dan pertumbuhan penggunaan. Di **New Zealand**, pertumbuhan KDNK benar diramal pada kadar 1.7% pada tahun 1999, diterajui oleh eksport barangan pembuatan bukan komoditi yang tinggi dan sektor pelancongan yang semakin kukuh. Ini mencerminkan kesan positif ke atas kejatuhan nilai dolar New Zealand berbanding mata wang utama dunia. Pengetatan dasar kewangan yang berterusan akan juga membantu memastikan inflasi dikekang pada paras 1.6% pada tahun 1999.

Negara-negara membangun dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih baik sebanyak 3.6% pada tahun 1999. Walaupun ekonomi-ekonomi Asia secara keseluruhannya dijangka pulih dengan kukuh sebanyak 3.9% pada tahun 1999, prospek bagi ekonomi negara-negara ASEAN terus berada dalam keadaan tidak menentu. Kesesuaian dan keberkesanan langkah-langkah yang akan dilaksanakan terutama dalam menstruktur semula sektor korporat dan kewangan bagi mengembalikan keyakinan pelabur akan menentukan kejayaan usaha memulihkan semula ekonomi negara-negara ASEAN. Negara-negara ASEAN-4 dijangka mencatat pertumbuhan negatif sebanyak 0.1% pada tahun 1999. Di **Brunei**, pendekatan berhemat ke arah pembangunan dan langkah-langkah mengukuhkan fiskal dijangka mengekalkan pertumbuhan kepada 3% pada tahun 1999. Inflasi

dijangka kekal pada paras 3% pada tahun 1999. **Indonesia** dijangka mencatat pertumbuhan sifar pada tahun 1999 dengan kadar inflasi menurun kepada 12.7% kesan daripada pelaksanaan dasar kewangan yang ketat. **Malaysia** dijangka mencatat pertumbuhan positif sebanyak 1% pada tahun 1999 terutama melalui berbagai langkah fiskal dan kewangan yang telah dilaksanakan. Dengan ringgit yang lebih stabil dan pelaksanaan langkah-langkah penawaran, inflasi dijangka menurun kepada 3.5% pada tahun 1999. Di **Filipina**, pertumbuhan dijangka mencatat 2.3% pada tahun 1999 dengan penerusan usaha-usaha penyesuaian semula termasuk liberalisasi dalam perdagangan, deregulasi dan penswastaan. Inflasi dijangka turun kepada 7% pada tahun 1999.

Thailand telah mencapai kemajuan dalam melaksanakan langkah-langkah menyusun semula sektor kewangan dan ekonomi seperti yang dikehendaki IMF. Ia dijangka dapat mencatatkan pertumbuhan 0.2% pada tahun 1999. Dasar kewangan yang longgar dan nilai baht yang stabil dijangka mengurangkan kadar inflasi kepada 6% pada tahun 1999. Prospek pertumbuhan di **Singapura** pada tahun 1999 bergantung kepada pemulihan ekonomi serantau dan pertumbuhan di negara-negara maju seperti AS dan EU. Pertumbuhan dijangka hampir kepada 1.5% pada tahun 1999 dengan inflasi kekal pada paras 2%. Di **Vietnam**, pertumbuhan KDNK dijangka sebanyak 6% pada tahun 1999 dengan inflasi dikawal pada paras di bawah 10%.

Ekonomi negara-negara **Asia Timur Laut** dijangka menunjukkan peningkatan pada tahun 1999 apabila ekonomi negara-negara tersebut mula kukuh dan langkah-langkah ekonomi yang diperkenalkan pada tahun 1998 untuk memulihkan pertumbuhan mula memberi kesan. Ekonomi **China** diramal berkembang sebanyak 8.1% pada tahun 1999 dengan adanya pelaburan yang dirancang dalam projek-projek infrastruktur yang besar dan pembangunan pesat dalam sektor perkilangan. Di **Korea Selatan**, pertumbuhan ekonomi diramal menguncup sebanyak 1% pada tahun 1999, iaitu satu peningkatan yang baik berbanding pertumbuhan negatif sebanyak 7% pada tahun 1998. Ini disebabkan oleh usaha-usaha reformasi struktur yang dijalankan terutamanya di sektor korporat dan kewangan untuk mengembalikan keyakinan dan merangsang pertumbuhan. Di **Taiwan**, pertumbuhan KDNK dijangka kekal pada tahap 3.9% pada tahun 1999 disebabkan oleh

permintaan dalam negeri yang kukuh, reformasi ekonomi yang berterusan dan pemulihan keadaan ekonomi dunia. Pertumbuhan ekonomi **Hong Kong, China** dijangka berubah daripada kadar pertumbuhan yang negatif kepada sifar pada tahun 1999 apabila pemulihan ekonomi negara-negara Asia yang lain mula memberi kesan. Perdagangan barangan dan perkhidmatan dan permintaan dalam negeri dijangka meningkat. Harga hartanah juga dijangka menjadi stabil dengan peningkatan aktiviti pembinaan terutamanya di sektor awam.

Propek bagi negara-negara membangun yang lain pada tahun 1999 adalah optimistik dengan jangkaan pemulihan yang berterusan di negara-negara Asia berikutan krisis kewangan Asia dan pemulihan kadar pertumbuhan dunia. Pertumbuhan ekonomi di negara-negara **Timur Tengah** dijangka bertambah baik pada tahap 2.7% pada tahun 1999. Walau bagaimanapun, penurunan harga minyak akan terus memberi kesan yang melembabkan kadar pertumbuhan di beberapa negara pengeluar minyak. Usaha-usaha untuk menangani penurunan ini dijangka diambil menerusi langkah-langkah meningkatkan pendapatan dan mengurangkan perbelanjaan bagi memastikan kemapanan fiskal dan luaran dalam jangkamasa sederhana. Di **Afrika**, kadar pertumbuhan dijangka meningkat kepada 4.7% pada tahun 1999 disebabkan oleh pengeluaran pertanian yang meningkat, pemulihan kadar pertumbuhan di negara-negara Eropah dan langkah-langkah ekonomi yang dilaksanakan oleh beberapa negara Afrika. Di **Algeria**, pemulihan pengeluaran pertanian pada tahun 1998 dijangka terus berkembang pada tahun 1999. Begitu juga dengan **Maghribi**. Di **Tunisia**, perkembangan pengeluaran perkilangan yang didorong oleh pemulihan permintaan ke atas barangan import dari pasaran Eropah dijangka meningkatkan kadar pertumbuhan negara tersebut pada tahun 1999.

Prestasi ekonomi di negara-negara Asia dan Russia dijangka mempengaruhi prospek pertumbuhan negara-negara **Amerika Latin** pada tahun 1999. **Mexico** dijangka mencatatkan pertumbuhan 5% pada tahun 1999 dengan kadar inflasi menurun kepada 10%, sementara di **Argentina**, pertumbuhan dijangka perlahan kepada 4.5% dengan kadar inflasi meningkat kepada 2.1%. **Brazil** mungkin menyaksikan peningkatan pertumbuhan kepada 3% pada tahun 1999 dan kadar inflasi meningkat kepada 6%. Di **Venezuela**, langkah-langkah reformasi dijangka mempercepatkan pertumbuhan kepada 3.8% pada

tahun 1999 sementara kadar inflasi berkurangan kepada 18%. **Chile** yang telah lama mengalami pertumbuhan perlahan dijangka mencapai pertumbuhan 4% pada tahun 1999 dan inflasi dikekalkan pada paras 4%.

Di **Asia Selatan**, pertumbuhan dijangka meningkat kepada 6% pada tahun 1999. Prestasi ekonomi **India**, **Pakistan** dan **Bangladesh** dijangka bertambah baik berikutan tanda-tanda pemulihan di Asia.

Isu-isu Ekonomi Dunia

Unjuran pertumbuhan sebanyak 2.5% bagi tahun 1999 adalah agak optimistik dan berasaskan andaian bahawa keyakinan di pasaran kewangan negara-negara Asia yang dilanda krisis beransur pulih bermula dalam beberapa bulan terakhir tahun 1998 dan pada tahun 1999, dengan adanya pengubahsuaian luaran dan penstrukturan semula sektor kewangan dan korporat. Walau bagaimanapun, prestasi ini berkemungkinan lebih rendah daripada yang dijangkakan bukan sahaja bagi Asia tetapi juga melibat keseluruhan ekonomi dunia berdasarkan beberapa perkembangan semasa.

Walaupun Kerajaan Jepun telah mengumumkan langkah-langkah yang kukuh untuk menstruktur semula sistem perbankan dan meningkatkan permintaan dalam negerinya, kemungkinan aktiviti ekonomi yang terus lemah dan kerapuhan sistem kewangan terus menghakis keyakinan dan memburukkan lagi kemungkinan deflasi yang sedia ada. **Kemelesetan yang semakin mendalam di Jepun** akan memberi kesan berterusan ke atas sistem perbankannya yang mana boleh menyebabkan pengaliran keluar aset dolar yang dipegang oleh institusi-institusi kewangan Jepun. Keadaan ini akan menekan kadar faedah dan harga ekuiti di Amerika Syarikat dan menjurus ke arah kegawatan di pasaran tukaran asing dan aset global. Selanjutnya, memandangkan peranan Jepun yang penting sebagai sumber pelaburan langsung dan sebagai pasaran eksport bagi barangan dari negara-negara Asia, kemelesetan di Jepun akan menjejaskan peluang pemulihan di rantau Asia.

Ketidakstabilan berterusan di pasaran-pasaran kewangan Asia akan mengganggu usaha-usaha Korea Selatan, Thailand dan

Indonesia untuk menstabilkan ekonomi mereka. Sementara negara-negara tersebut melaksanakan dengan gigih program-program penstrukturan semula demi meningkatkan prospek pemulihan, mereka juga bergantung kepada persekitaran pasaran luar yang memberansangkan.

Perkembangan negatif di Jepun dan kemerosotan dalam pasaran-pasaran kewangan Asia akan meningkatkan **tekanan ke atas dasar pertukaran asing China**, memandangkan pertumbuhan di negara tersebut telah merosot dengan ketara disebabkan oleh pertumbuhan eksport yang perlahan kesan daripada banjir pada musim panas yang lalu. Penurunan nilai mata wang China boleh mengakibatkan kejatuhan berterusan nilai-nilai mata wang di Asia Timur.

Keadaan di Russia menimbulkan kebimbangan mengenai keupayaannya untuk melaksanakan dasar-dasar ekonomi dan kewangan yang berkesan, dan seterusnya menimbulkan ketidakstabilan di pasaran-pasaran kewangan. Masalah ekonomi di Russia telah mengakibatkan kemerosotan di pasaran-pasaran ekuiti dunia, tetapi ketidakstabilan yang berterusan akan menimbulkan masalah serius bagi Eropah khususnya bagi sektor eksport, memandangkan beberapa negara mempunyai pendedahan yang tinggi kepada Russia. Ekonomi-ekonomi Amerika Latin telah mula merasai kesan krisis kewangan di Russia.

Di negara-negara perindustrian Eropah Barat dan Amerika Utara, **harga ekuiti yang tinggi** disebabkan oleh pengaliran semula pelaburan portfolio ke arah ekonomi-ekonomi maju boleh terjejas oleh perubahan pandangan pelabur terhadap keuntungan korporat kadar inflasi dan faedah pada masa hadapan. Sekiranya pengubahsuaian ketara harga pasaran saham berlaku, negara-negara lain, termasuk pasaran-pasaran saham Asia yang lemah akan mengalami kesan yang teruk. Ini boleh memburukkan lagi prospek untuk pemulihan.

Terdapat risiko yang tinggi bahawa negara-negara yang mengalami kesan negatif dari krisis Asia akan mengambil tindakan **memperkenalkan dasar-dasar kadar pertukaran asing dan perdagangan yang defensif** menyebabkan kesan negatif di peringkat global.

Dasar ekonomi negara-negara perindustrian utama dalam jangka masa yang terdekat akan

mempengaruhi keadaan ekonomi seluruh dunia, terutamanya prospek ke arah kestabilan kewangan dan pemulihan ekonomi di Asia. Sementara dasar-dasar yang dilaksanakan oleh negara-negara yang dilanda krisis untuk menggalakkan pemulihan, mereka perlu mendapat sokongan bersepadu di peringkat antarabangsa. Di Amerika Syarikat, beberapa faktor khas seperti kenaikan nilai dolar AS, penurunan harga tenaga dan komoditi yang telah membantu mengurangkan tekanan inflasi dan memacu pertumbuhan yang kukuh mungkin berubah. Sementara Federal Reserve sehingga kini telah mengekalkan kadar faedah jangka pendek, ia terpaksa mengambilkira implikasi dasar kewangannya memandangkan kenaikan kadar faedah di AS masa kini tidak akan membantu negara-negara Asia yang dilanda krisis. Pengetatan berterusan dasar kewangan AS akan menjurus kepada pembetulan dalam pasaran bon dan saham global, serta menyumbang kepada pertumbuhan perlahan ekonomi AS. Ekonomi AS yang lemah akan menghalang negara tersebut daripada meningkatkan importnya dan ini memberi kesan negatif kepada Asia sekiranya ia berlaku ketika pemulihan di rantau Asia belum benar-benar bermula.

Di Eropah, **pewujudan mata wang euro dan penerimaan dasar kewangan** yang sama oleh sebelas negara anggota Kesatuan Eropah – dan kemungkinan oleh semua anggota EU – akan memberi kesan yang mendalam bukan sahaja kepada Eropah tetapi juga kepada ekonomi dunia. Sementara Kesatuan Kewangan memberi banyak manfaat, ia juga menimbulkan cabaran baru dan memerlukan pemikiran semula mengenai peranan dasar-dasar ekonomi dalam mempertahankan

kestabilan ekonomi makro dan peluang pekerjaan yang banyak.

Adalah dianggarkan bahawa kos krisis Asia Timur adalah lebih kurang 1% daripada pengeluaran global (lebih kurang AS\$260 billion) bagi tahun 1998 sahaja. Ketidakstabilan kewangan telah menjadi satu ciri biasa ekonomi global dalam tahun 1990an. Setiap krisis menyebabkan kesan yang serius kepada ekonomi, terutamanya di negara-negara membangun. Tahap pemantauan dan pengawalseliaan global tidak seiring dengan tahap integrasi pasaran kewangan mengakibatkan kesan yang ketara. Masyarakat kewangan antarabangsa perlu bertindak bersama untuk mengurangkan kesan ketidaktentuan pergerakan modal antarabangsa. Seperti yang dicadangkan oleh UNCTAD, rangkakerja dasar yang lebih efektif untuk mengelakkan krisis kewangan melalui penerimaan ke atas pendekatan yang lebih seimbang terhadap pemantauan dasar adalah diperlukan. Pemantauan tersebut harus mengambil kira perubahan kadar faedah dan kadar pertukaran di ekonomi-ekonomi perindustrian utama yang akan membawa kesan ketidakstabilan kepada ekonomi-ekonomi lain. Rundingan dan kerjasama di peringkat serantau perlu digalakkan di mana ia tidak wujud dan dipertingkatkan di mana mekanisme tersebut telah wujud. Kegagalan masyarakat antarabangsa untuk bertindak dengan cepat akan menimbulkan kesan yang buruk ke atas ekonomi dunia. Akhirnya, negara-negara membangun perlu diberikan kelonggaran untuk mengenakan kawalan modal, iaitu teknik yang terbukti dapat mengawal ketidaktentuan pengaliran modal.